
**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Datuk Haji Nawi bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Haji Rozali bin Salleh, SMZ., AMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

PUKUL 9.30 PAGI

Setiausaha Dewan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini, marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

(Al-Fatihah)

Perkara pertama di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA DEWAN

SETIAUSAHA DEWAN: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara berikut di dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا ۖ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ
 قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ۖ وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِّنْ لِّسَانِي لِيَفْقَهُوا قَوْلِي
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan Negeri dan Persekutuan, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan para pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk bersama-sama hadir ke persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini iaitu Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat belas sebagaimana yang dijadualkan.

Kita juga bersyukur kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kerana persidangan kita telah kembali seperti asal iaitu sebelum mengalami cabaran Covid-19 di mana semua ketua jabatan dan para pemerhati dapat hadir sama.

Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia telah memberi kelonggaran S.O.P. bermula 1 Mei 2022, saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian untuk memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam Dewan kecuali kepada Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap sebagai langkah berjaga-jaga. Pemakaian pelitup muka terutama dalam bangunan masih lagi penting untuk melindungi diri serta orang sekeliling khususnya mereka yang berisiko tinggi.

Dalam persidangan kita pada kali ini selain dari Soalan-soalan Lisan dan Bertulis, kita ada 2 usul dan 4 rang enakmen yang kita mahu selesaikan. Rang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Pindaan) 2022 tidak dibentangkan lagi pada kali ini kerana ianya memerlukan satu kajian yang lebih lanjut. Saya berharap dengan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat, sidang selama 2 hari ini cukup bagi menyelesaikan semua Tertib Pekerjaan Dewan dengan lancar, *insya-Allah*. Apa yang penting, semua Ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa mematuhi *Standing Orders* yang ditetapkan sepanjang persidangan ini berjalan.

Terdapat 2 perkara yang pejabat Dewan Undangan Negeri sedang fokuskan buat masa ini. Pertamanya adalah berkaitan dengan Jawatankuasa Pilihan Semakan Peraturan dan Perintah Tetap Dewan yang dibantu oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) yang terdiri dari kalangan mereka yang pakar dalam bidang perundangan.

Jawatankuasa ini telah dan akan mengadakan beberapa siri bengkel bagi memperhalusi kajian dan cadangan penambahbaikan dalam perkara ini. *Standing Orders* negeri-negeri yang lain, Perlembagaan Persekutuan, *Standing Orders* Parlimen dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri kita sudah tentu menjadi rujukan. Kita mahu *Standing Orders* negeri kita untuk jangka panjangnya sentiasa kemaskini dan mengambil kira perkembangan semasa. Saya berpendapat kita perlu memberi masa yang mencukupi kepada jawatankuasa ini menjalankan tugas mereka sebelum dikemukakan kepada sidang Dewan Undangan Negeri untuk mendapat kelulusan.

Keduanya, selari dengan Revolusi Industri 4.0 dan Pelan Induk Kerajaan Digital Pintar Terengganu (2021-2030), kita baru sahaja melancarkan 'Terengganu Lawnet', satu usaha yang telah dibuat oleh pihak TSIS dengan kerjasama UniSZA dan pejabat Dewan Undangan Negeri yang mengumpulkan semua enakmen yang digubal di Dewan Undangan Negeri Terengganu dari awal dan juga undang-undang kecil (*by law*) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah satu sistem digital secara bersepadu.

Oleh itu semua Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai, pengkaji, pelajar dan peminat undang-undang dan mana-mana sahaja pihak yang berkepentingan boleh membuat rujukan hanya melalui hujung jari sahaja. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar

yang mewakilkan kepada EXCO dalam majlis pelancaran sistem ini pada minggu lepas.

Semua usaha-usaha seumpama ini termasuk perpustakaan digital (*digital library*) sebelum ini bertujuan bagi menyediakan infrastruktur kelas pertama kepada Ahli Yang Berhormat sebaik mungkin. Sudah tentu kita juga mengharapkan bukan sahaja infrastrukturnya kelas pertama tetapi penggunaanya juga kelas pertama, *insya-Allah*.

Akhir sekali, secara peribadi saya mengharapkan sidang pada kali ini bukan sidang yang terakhir sebelum kita menghadapi Pilihan Raya Umum Kelima belas. Kita masih mempunyai tempoh sehingga Jun tahun hadapan sebelum tamat penggal pemerintahan 5 tahun. Banyak perkara dan keutamaan rakyat perlu diselesaikan dalam tempoh yang diamanahkan. Ini selari dengan apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW,

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

"Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat kepada orang lain".

Saya nak akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun,

Tidak gentar musuh yang menekan,
Itu Mat Kilau pendekar nusantara,
Selamat bersidang saya ucapkan,
ADUN berjuang rakyat sejahtera.

Sekian, selamat bersidang.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kertas-kertas kerja dan laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2022
(D.U.N. Bil.14/2022)
2. Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Tahun 2020
(D.U.N. Bil.15/2022)
3. Laporan Tahunan & Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) Tahun 2020
(D.U.N. Bil.16/2022)
4. Laporan Ketua Audit Negara 2020 Siri 1
(Aktiviti Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu)
(D.U.N. Bil.17/2022)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:

- (1) Soalan-soalan Bertulis.
- (2) Soalan-soalan Lisan.

YANG BERTITAHU DATO' YANG DI-PUTUA: Jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Bertitahu sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Yang Bertitahu Wakil Tepoh
2. Yang Bertitahu Wakil Batu Buruk
3. Yang Bertitahu Wakil Seberang Takir
4. Yang Bertitahu Wakil Sura
5. Yang Bertitahu Wakil Bukit Besi
6. Yang Bertitahu Wakil Buluh Gading
7. Yang Bertitahu Wakil Kuala Besut
8. Yang Bertitahu Wakil Manir
9. Yang Bertitahu Wakil Rantau Abang
10. Yang Bertitahu Wakil Pengkalan Berangan
11. Yang Bertitahu Wakil Bandar
12. Yang Bertitahu Wakil Air Putih
13. Yang Bertitahu Wakil Wanita

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTITAHU DATO' YANG DI-PUTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini, 25 Julai 2022.

1. Yang Bertitahu Wakil Tepoh
2. Yang Bertitahu Wakil Batu Buruk
3. Yang Bertitahu Wakil Kijal
4. Yang Bertitahu Wakil Sura
5. Yang Bertitahu Wakil Seberang Takir
6. Yang Bertitahu Wakil Buluh Gading
7. Yang Bertitahu Wakil Telemong
8. Yang Bertitahu Wakil Manir
9. Yang Bertitahu Wakil Bukit Besi
10. Yang Bertitahu Wakil Rantau Abang
11. Yang Bertitahu Wakil Jertih
12. Yang Bertitahu Wakil Pengkalan Berangan
13. Yang Bertitahu Wakil Batu Rakit
14. Yang Bertitahu Wakil Bandar
15. Yang Bertitahu Wakil Langkap
16. Yang Bertitahu Wakil Air Putih
17. Yang Bertitahu Wakil Kuala Besut
18. Yang Bertitahu Wakil Wanita

Untuk sidang pada kali ini, saya benarkan dua soalan tambahan sahaja melainkan ada isu tertentu yang akan saya pertimbangkan, *insya-Allah*.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):

اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor 1 –

Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam menaik taraf KQT sebagai sebuah universiti milik Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan hadirin hadirat yang dihormati sekalian. Wakil Tepoh bertanyakan apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam usaha menaik taraf KQT sebagai sebuah universiti milik penuh Kerajaan Negeri?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menaik taraf KQT sebagai sebuah universiti milik Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri sedang berusaha meletakkan sasaran pada tahun 2025 sebagai usaha untuk menjadikan KQT sebagai sebuah kolej universiti dahulu. Bagi mencapai sasaran itu, KQT perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh KPT iaitu Kementerian Pengajian Tinggi. Ada 14 kriteria yang perlu dipenuhi, antaranya

1. Penarafan
2. Pengalaman dalam mengendalikan IPTS
3. Pematuhan kepada Akta 555
4. Kewangan syarikat yang kukuh
5. Premis ataupun kampus yang kondusif

6. Perantarabangsaan
7. Bilangan pelajar
8. Kebolehpasaran graduan
9. Pengurusan
10. Sistem jaminan kualiti dalaman
11. Kualiti kursus pengajian
12. Tenaga pengajar
13. Pengurusan hal ehwal dan kebajikan pelajar, dan
14. Penglibatan dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Sekarang ini, pihak Kerajaan Negeri berusaha untuk memenuhi kriteria-kriteria tersebut sebelum 2025. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang berkaitan dengan soalan asal ini, dalam usaha memenuhi kriteria penubuhan naik taraf KQT sebagai universiti milik Kerajaan Negeri yang ditetapkan oleh KPT, sejauh manakah status pencapaian kriteria yang telah ditetapkan oleh KPT yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang telah kita berjaya penuhi dan ada yang masih lagi kita berusaha untuk mencapainya. Antaranya pengalaman dalam mengendalikan IPTS contohnya, pihak KPT meletakkan syarat paling kurang tujuh tahun di peringkat kolej bersesuaian dengan institusi yang didaftarkan di bawah Akta 555. Sekarang ini kita baru berusia enam tahun. Jadi minima perlu satu tahun lagi untuk kita boleh mengangkat kepada peringkat Kolej Universiti. Pematuhan kepada Akta 555 kita secara keseluruhannya tidak ada apa-apa kesalahan sehingga Jun 2022 dalam isu melibatkan Akta 555 ini.

Antaranya juga premis ataupun kampus yang kondusif, itulah apabila pihak Kerajaan Negeri berusaha untuk mewujudkan kampus kekal dan pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan 300 ekar di Durian Mentangau untuk menjadikan kampus tetap yang akan melengkapkan semua infra keperluan sebagai sebuah kampus yang kondusif, *insya-Allah* dan sementara itu, ada beberapa perkara yang kita masih lagi belum dapat menguasainya ataupun mencukupkan syaratnya iaitu beberapa keperluan untuk menjadikan sekurang-kurangnya 1,000 orang pelajar. Jadi kita sudah ada enam kursus baru, tetapi kekangan

penempatan di kampus kita yang ada sekarang ini itulah yang menyebabkan kita sedang berusaha untuk menjadikan cawangan di Kenyir *insya-Allah* sebagai kampus sementara untuk memperlengkapkan kriteria-kriteria ini.

Antaranya juga melibatkan kebolehpasaran graduan. *Alhamdulillah* syarat yang diletakkan 70% daripada graduan kita dalam tempoh enam bulan selepas pengajian boleh dipasarkan, kita telah melebihi 80%. Dari segi pengurusan dan sebagainya yang disyaratkan 60% pasukan pengurusan yang dicadangkan terdiri daripada mereka yang berkelulusan Sarjana dan PHD dan mereka yang berpengalaman, *alhamdulillah* kita sebenarnya sudah mencapai pasukan pengurusan yang melebihi 60% ataupun ketua eksekutif sekurang-kurangnya berkelayakan sarjana, kita Ketua Eksekutif yang sedia ada berkelayakan PHD dan berpengalaman lebih daripada lima tahun. Banyak lagi kriteria-kriteria yang disyaratkan itu *insya-Allah* kita berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai status dan kelulusan ini untuk masa akan datang. *Insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tiada soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah di atas usaha pihak Kerajaan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, saya nak tanya sikitlah sebab perancangan untuk penubuhan Universiti Al-Quran ini adalah berasas kepada cadangan Kerajaan yang terdahulu dan Kerajaan yang terdahulu telah bercadang untuk menempatkan di kampus KIST, Kolej Islam Sains dan Teknologi Kuala Berang. Jadi soalan saya, apakah status kampus, bekas kampus KIST yang dicadangkan oleh Kerajaan sebelum ini untuk menjadikan kampus Kolej Universiti Al-Quran ini? Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Untuk makluman Dato' Yang di-Pertua, KIST yang telah terbengkalai sekian lama dan banyak pembangunan yang ada itu rosak dan tidak sesuai apatah lagi untuk kita jadikan sebagai penempatan tahap sebagai kolej universiti. Jadi kita telah membaik pulih sekarang ini sedang proses membaik pulih untuk kita jadikan tempat bagi SMIDI kita yang sekarang ini Sekolah Menengah Islam Darul Iman ini beroperasi sementara di bangunan Yayasan di Bukit Besi, Durian Mas dan akan dipindahkan *insya-Allah* setelah selesai pembangunan di tapak KIST di Kuala Berang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Batu Buruk.

YANG BERHORMAT DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1-

Senaraikan syarikat yang membangunkan ladang dalam sektor pertanian dan penternakan dengan keluasan 50 hektar ke atas?

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Wakil Batu Buruk. Senarai syarikat-syarikat yang membangunkan projek-projek pertanian dan penternakan dengan keluasan melebihi daripada 50 hektar.

1. Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd. bersama dengan Terengganu Agrotech Development Corporation (TEDC) tanaman kelapa di Kampung Banggol di Setiu seluas 492.4 hektar.
2. Bio Alpha Sdn. Bhd., tanaman herba di Kampung Pasir Raja di Dungun seluas 50 hektar.
3. Sumber Jaya Sdn. Bhd. dengan tanaman herba, tanaman sayuran dan ternakan ikan secara bersepadu juga di Dungun seluas 80.93 hektar
4. Ras Tanura Sdn.Bhd. dengan kerjasama TADC mengusahakan tanaman nanas MD2 di Kampung Pak Kancil di Setiu seluas 80.97 hektar.
5. TADC mengusahakan tanaman rumput napier di Kampung Setia Jaya di Marang seluas 400 ekar ataupun 170 hektar.
6. Syarikat Blue Archipelago Sdn. Bhd. dengan ternakan udang di Setiu seluas 1,000 hektar.
7. McCormick Global Ingredients Malaysia Sdn. Bhd. dengan tanaman lada hitam di Lembah Bidong di Setiu seluas 617.65 hektar.
8. TBM Agrobiz Sdn. Bhd. dengan ternakan ayam pedaging secara *close system* di Kampung Durian Mentangau di Dungun seluas 71.7 hektar.

9. TBM Agrobiz Sdn. Bhd. dengan projek tanaman cili secara fertigasi di Rasau Dungun seluas 81.3 hektar.
10. Prima Agro Ternak Sdn. Bhd. dengan tanaman kelapa pandan di Hulu Paka di Dungun seluas 161 hektar.
11. Syarikat Latas Agriculture dengan tanaman kelapa di Kampung Kubang Puyu di Setiu, seluas 100 hektar.
12. Pure Green Development Sdn. Bhd. tanaman kelapa sawit integrasi bersama dengan ternakan lembu di Marang seluas 925 hektar.
13. Koperasi Ikhwan Marang Berhad dengan tanaman kelapa sawit dan ternakan lembu juga di Marang seluas 202.6 hektar.
14. Impressive Sentiments Sdn. Bhd. dengan tanaman kelapa sawit dan ternakan lembu di Kemaman seluas 198.3 hektar.
15. Lean Applied Sdn. Bhd. yang meneruskan pembangunan daripada projek Besut, Setiu Agropolitan dengan ternakan kambing seluas 207 hektar.
16. UBAY Farm di Telaga Papan dengan ternakan kambing seluas 84 hektar
17. TADC dengan ternakan lembu semi feedlot di Kampung Pak Kancil di Setiu seluas 97.13 hektar.
18. Ladang Rakyat Terengganu Sdn. Bhd dengan ternakan lembu secara integrasi dalam ladang sawit beserta dengan ternakan ayam di Cheneh Kemaman seluas 7,512.34 hektar.

Terima kasih.

YANG BERTAMBAH DR. MUHAMMAD KHALIL BIN ABDUL HADI (Wakil Batu Buruk): Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya tahniah kepada EXCO Pertanian di atas usaha dan projek-projek yang dinyatakan tadi. Soalan tambahan saya ialah dari jumlah projek yang disenaraikan berapakah projek tinggalan Kerajaan yang dahulu yang dipulihkan dan berapakah projek baharu.

YANG BERTAMBAH DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, bila kita ambil alih pemerintahan daripada Kerajaan yang terdahulu, ibaratnya macam kahwin jandalah. Bukan mak sahaja yang kena ambil, anak-anak dengan ayah dulu pun, jadi anak kita. Anak pula macam-macam *peel*. Ada hak jurus, ada hak comot, malas mandi, ada yang tak pandai mengaji. Jadi sebagai ayah, yang comot ini kita kena mandi, pakai bedak, paka gincu biar comel semula, hak malas *ngaji* kita hantar mengaji, dan selepas daripada

setahun kita pun ada anak sendiri, bukan nak pelihara anak orang sokmo, jadi begitulah ibaratnya. Di antara senarai berbelas-belas projek yang saya bentangkan tadi, sebahagian besarnya adalah projek-projek baru, daripada Kerajaan sekarang ini, sebahagiannya penerusan daripada projek Kerajaan terdahulu dan ada sebahagiannya yang kita pulihkan ataupun perbesarkan daripada skala daripada apa yang ditinggalkan. Projek Ladang Rakyat Terengganu bersama dengan TADC tanaman kelapa, yang ini projek baru. Ras Tanura Sdn Bhd bersama dengan TADC Tanaman Nanas MD2 di Pak Kancil, ini projek baru. Projek Tanaman Rumput Napier di Setia Jaya Merang oleh TADC, yang ini projek baru. McCormick Global Ingredients Sdn Bhd yang ini kita perbesarkan. Kerajaan dulu tinggal 20 hektar dalam bentuk *proof of concept* kita perbesarkan kepada skala komersial, seluas 600 hektar. Projek *Latas Agriculture* di Kubang Puyu yang ini tinggalan Ladang Kelapa Matag tinggalan daripada projek Kerajaan terdahulu yang terbengkalai, pokok kelapa pun banyak yang dah mati, kita pulihkan semula. Terengganu Agrotech Development Sdn Bhd dengan ternakan lembu secara *semi feedlot* di Pak Kancil, ini projek baru. Itulah secara ringkasnya Dato' Yang di- Pertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Wakil Kijal untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan pertama ditolak. Minta maaf, Yang di-Pertua. Soalan yang pertama-

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual ladang sawit milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu seluas 9,225 ekar di Al-Muktafi Billah Shah (AMBS), Hulu Paka, Dungun?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, dan semua pemerhati. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kijal yang mengemukakan soalan yang pertama mengenai, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjual ladang kelapa sawit milik Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu yang berkeluasan 9,225 ekar di Al-Muktafi Billah Shah, Hulu Paka, Dungun. Jawapan bagi pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menjual ladang kelapa sawit yang dinyatakan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di -Pertua, penjelasan. Saya menerima satu "whatsapps" daripada seorang daripada Kuala Lumpur. Bertanyakan soalan ini kerana ada pihak yang tertentu yang bertanyakan tentang tanah ini untuk dijual dan saya juga bertanyakan kepada pihak pengurusan Ketengah dan Ketengah menyatakan bahawa ada satu pihak peguam yang bawah Kerajaan Negeri yang menjual tanah itu berharga RM130 juta. Apakah ini benar berlaku atau ini satu fitnah ataupun ini merupakan satu usaha Kerajaan untuk menjual harta Kerajaan Negeri. Minta Yang Amat Berhormat menjelaskan secara terperinci dan saya minta jangan berbohong di Dewan mulia ini. Terima kasih.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tambahan. Sebagaimana yang saya jelaskan dalam jawapan di awal tadi bahawa Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menjual. Oleh kerana tidak ada hasrat untuk menjual, maka tidak timbullah melantik mana-mana pihak, sama ada pihak ketiga pihak keempat, kelima dan sebagainya atau mana-mana individu untuk menjual bagi pihak Kerajaan. Jadi tidak timbul dan kita akan mengambil tindakan untuk membuat laporan polis di atas apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan minta Yang Berhormat untuk boleh *forwardkan* kepada kamilah, supaya kami dapat mengambil tindakan segera dan membuat laporan kepada pihak berkuasa. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Terima kasih Yang di-Pertua, kita akan hantar nama peguam berkenaan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Seterusnya saya menjemput Wakil Sura.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Berapakah jumlah warga emas yang telah menerima manfaat menerusi Program Pencen Rakyat Negeri Terengganu bagi tahun 2021 serta jumlah peruntukan yang telah disediakan?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan semua ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan berbunyi berapakah jumlah warga emas yang telah menerima manfaat menerusi Program Pencen Rakyat Negeri Terengganu bagi tahun 2021 serta jumlah peruntukan yang telah disediakan. Bilangan warga emas yang telah menerima manfaat pencen Rakyat Negeri Terengganu di Tahun 2021 ialah seramai 20,691 orang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM6,207,300.00. Setiap penerima pencen rakyat menerima sebanyak RM300 iaitu bagi tempoh separuh tahun 2021. Majlis penyerahan telah dilaksanakan di 32 DUN bermula Disember 2021 sehinggalah bulan Mei 2022. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Soalan tambahan pertama Dato' Yang di-Pertua. Saya mohon nyatakan penerima pencen rakyat ini diagihkan mengikut Parlimen, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Dato Yang di-Pertua, Program Pencen Rakyat Negeri Terengganu Tahun 2021 mengikut Parlimen.

Bil	Parlimen	Jumlah Pemohon Yang Layak	Pecahan Bajet Yang Diperlukan (Daerah)
1	Kuala Terengganu	1,799	RM539,700.00
2	Kemaman	3,718	RM1,115,400.00
3	Dungun	1,346	RM403,800.00

4	Besut	2,798	RM839,400.00
5	Hulu Terengganu	3,424	RM1,027,200.00
6	Marang	1,463	RM438,900.00
7	Setiu	2,809	RM842,700.00
8	Kuala Nerus	1,742	RM522,600.00
9	Dungun	278	RM83,400.00
10	Marang	974	RM292,200.00.
11	Kuala Nerus	340	RM102,000.00.

Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan kedua, adakah pemberian pencen rakyat bagi tahun 2022 ini akan diteruskan? Dan jika diteruskan, bila, ini dah masuk bulan Ogos dah ini, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih. *Insyah-Allah*, program insentif Pencen Rakyat ini akan dilaksanakan pada tahun 2023 ini. Kita jangkakan pengagihan insentif ini akan mula kita laksanakan melalui Pejabat-Pejabat Daerah dan setiap Pusat Khidmat DUN pada bulan Oktober ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Seberang Takir untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
سلام سجهترا

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu. Terima kasih.

Dalam titah ucapan KDYMM Tuanku Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah sempena istiadat Pembukaan Penggal Kelima Sidang DUN Kali keempat belas baru-baru ini, Tuanku al-Sultan ada mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri

melaksanakan kajian impak ekoran ketidakpastian ekonomi dunia dan meminta Kerajaan Negeri menghasilkan cadangan khusus untuk mengurangkan impak kewangan langsung ke atas isi rumah yang berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40). Adakah kajian ini telah dibuat dan apakah cadangan yang telah dihasilkan dan akan diambil Tindakan oleh Kerajaan Negeri?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang terhormat Dato' Yang di-pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan pemerhati yang hadir, soalan satu panjang sikit ni, izinkan saya membaca soalan ini, dalam titah ucapan KDYMM Tuanku Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah sempena Istiadat Pembukaan Penggal Kelima Sidang DUN Kali Keempat belas baru-baru ini, Tuanku Al-Sultan ada mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri melaksanakan kajian impak ekoran ketidakpastian ekonomi dunia dan meminta Kerajaan Negeri menghasilkan cadangan khusus untuk mengurangkan impak kewangan langsung ke atas isi rumah yang berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40). Itu *statement* itu. Soalannya, adakah kajian ini telah dibuat dan apakah cadangan yang telah dihasilkan dan akan diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri?

Kerajaan Negeri melalui TSIS, Terengganu Strategic and Integrity Institute dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sedang menjalankan kajian ini dan *insya-Allah* akan dijangka siap pada bulan Oktober 2022. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang terhormat...

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Baik, Dato' Yang Di-Pertua, satu soalanlah, jadi disebabkan kajian tak siap lagi ni, saya nak tanya jugaklah sekurang-kurangnya boleh membantu ketika nak buat kajian ini cuma soalan saya disini, apakah Kerajaan menyedari tentang baru-baru ini Bank Negara Malaysia

mengumumkan kenaikan OPR ataupun *Overnight Policy Rate*, sebanyak 25 mata dari 1.75% kepada 2% yang ini sudah tentu akan memberi kesan kepada peminjam-peminjam bank terutama kepada peminjam kereta, perumahan yang terdiri daripada anak-anak Terengganu ini. Apakah cadangan ataupun strategi yang terbaik yang Kerajaan jangkalah untuk membantu rakyat yang terbeban dengan pinjaman ini. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ini soalan lain Yang Berhormat, sebab kajian belum selesai lagi jadi kita tunggu dululah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Sekurangnya bila kita nak buat kajian kita perlu ada dia punya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Betullah...

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): cadangan-cadangan kita nak buat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kajian itu akan mengambil kira semua perkara...

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Jadi sepatutnya, dengan apa yang berlaku sekarang ini kita takut nanti kajian tak siap-tak siap rakyat kita semakin susah, susah, susah jadi ini akan memberi kesan kepada rakyat kitalah jadi sekurang-kurangnya mesti ada apakah cadangan ataupun dengan izin *solution* yang kita jangka nak ambil untuk bantu rakyat kita yang amat terbeban dengan keadaan ekonomi sekarang, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ya, Yang di-Pertua, izinkan saya jawablah cadangan itu tidak boleh lagi sebab kita serah lambat orang tak cadang lagi, tapi elok saya beri sedikit keterangan berkenaan dengan objektif kajian ini. Pertama, mengenal pasti ketidaktentuan ekonomi global, itu satu. Kedua, menentukan impak ketidaktentuan ekonomi global terhadap sektor-sektor ekonomi di Terengganu. Ketiga, menentukan impak ketidaktentuan ekonomi global terhadap sosial ekonomi isi rumah (B40) dan (M40) di Terengganu merupakan cadangan bagi

mengurangkan impak langsung ke atas sektor-sektor ekonomi serta isi rumah (B40) dan (M40) di Terengganu. Itu sedang kita itulah salah satu objektif dan QI yang diberikan kepada TSIS dan UMT sebagai asas kepada kajian yang dibuat. Jadi minta Yang Berhormat sabar dululah. Yang dicadang kita *kabo* kemudian.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey, terima kasih Yang BertHormat. Sekarang saya jemput Wakil Buluh Gading.

YANG BERTHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang BertHormat Dato' Yang di-Pertua, soalan nombor satu-

Apakah strategi Kerajaan dalam memastikan kebersamaan golongan rakyat dalam sektor pertanian?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Buluh Gading, strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan kebersamaan rakyat dalam sektor pertanian. Dato' Yang di-Pertua, daripada bulan-bulan awal PASCA PRU Mei 2018, ketika mula memikul amanah menerajui sektor Pertanian Terengganu kami telah mengorak langkah secara intensif bagi mengajak rakyat bersama membangunkan Pertanian Terengganu.

Pelusuk negeri telah kami jelajahi untuk turun jumpa rakyat sama ada dalam Program Dialog, Program Ramah Mesra, Perbincangan Sembang Santai dan sebagainya, sama ada di tepi pantai, dalam kebun, dalam ladang, di jeti-jeti perikanan, kandang lembu, dalam tasik sampai ke atas bot nelayan di tengah laut, kita pergi jumpa dengan rakyat, kita yang berada dalam sektor pertanian, perternakan dan perikanan.

Objektifnya di samping kita nak ajak rakyat bersama menganggotai keluarga besar pertanian Terengganu, program turun padang ini sangat perlu supaya isu-isu sebenar sektor pertanian difahami dan dihadap dengan baik daripada sumber yang asal *first-hand info* dengan izin. Memahami pokok pangkal permasalahan adalah kunci utama untuk kita merangka perancangan yang betul dan menepati keperluan rakyat.

Dato' yang di-Pertua, dalam menyusun *blueprint* kerangka besar Hala Tuju Pertanian Negeri Terengganu sekali lagi kami libatkan rakyat disamping kita gabungkan idea daripada pandangan Ahli-ahli Akademik di IPT, pegawai-pegawai jabatan dan agensi di bawah MAFI, pemain-pemain dalam industri pertanian termasuk juga organisasi-organisasi dan persatuan-persatuan yang terlibat dalam sektor pertanian. Maka daripada gabungan ini lahirlah Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 pelan daripada kami untuk kamu.

Dato' Yang di-Pertua, pelabur-pelabur daripada dalam dan luar negara yang datang ke Terengganu mengemukakan apa sahaja cadangan projek, mereka perlu jawab dan lepas tiga soalan asas yang pertama kami akan tanya nak buat apa, yang kedua apa yang Kerajaan Negeri yang perlu bantu, yang ketiga apa yang rakyat Terengganu boleh tumpang? Tak lepas tiga soalan ini kita tidak akan panjangkan perbincangan kepada tahap-tahap yang seterusnya kerana itulah semua projek pelaburan dalam sektor pertanian contohnya projek MEGA, McCormick, penanaman lada hitam seluas 600 hektar di Lembah Bidong di Setiu. Ada penyertaan daripada rakyat tempatan dalam bentuk *Schemes Outgrower*. Kita beri 600 hektar kepada McCormick, bahagian untuk rakyat 50 hektar, untuk turut dia tanam lada hitam dengan jaminan pembelian daripada McCormick, dan kita tak mahu rakyat kita hanya jadi pekerja, hanya jadi kuli, tapi dalam masa yang sama kita nak supaya rakyat kita jadi tuan dan mereka boleh belajar teknologi baru. Modal serta aspek-aspek teknikal akan diuruskan oleh anak syarikat Kerajaan Negeri TADC.

Dato' Yang di-Pertua, lapan belas projek yang sedang dilaksanakan di bawah Program Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu bernilai kira-kira RM 716.96 juta. Semuanya ada penyertaan daripada rakyat tempatan sama ada sektor pertanian, sektor penternakan dan perikanan. Kita jangan *gah* dengan senarai projek besar kalau hakikatnya rakyat hanya menjadi penonton dan pekerja. Contohnya Projek Penanaman Napier seluas 400 ekar oleh TADC di Setia Jaya di Merang, 40% atau 175 ekar diperuntukkan kepada rakyat setelah TADC menyediakan semua infra, siap proses penanaman kita serah kepada rakyat, dan saya mengambil peluang dalam Dewan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Mantan Pengerusi Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu yang juga bekas DO Setiu Tuan Haji Rosli bin Latif di atas kerja keras menyusun serta meletakkan asas kukuh kepada pelaksanaan Program-program Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu.

Yang keempat Dato' Yang di-Pertua, kita ubah minda rakyat daripada sentiasa mengharapkan tender ataupun projek Kerajaan turun depan mata, kepada kerja-kerja secara gotong royong atau CSR. Kita selenggara infrastruktur perparitan dan saliran sawah padi secara CSR. Bina jalan kebun secara CSR, basmi musuh tanaman secara CSR, buat unjam dan labuh unjam secara CSR, gotong royong bina padang ragut dan banyak lagi program-program yang kita buat secara CSR. Di samping CSR dan gotong royong ini boleh menjimatkan kos dalam masa yang sama kita ingin terapkan sikap *sense of belonging* dengan izin dan kami selalu tekankan unjam yang kita bina dan kita labuh ini bukan unjam Kerajaan Negeri, bukan unjam jabatan perikanan, ini adalah unjam milik para nelayan semua, *pakat guna dan pakat-pakat jaga*.

Seterusnya, Dato' Yang di-Pertua, jabatan-jabatan dibawah MAFI di Negeri Terengganu terlibat secara langsung membimbing rakyat dalam program-program usahawan-usahawan bimbingan, sama ada bimbingan pertanian, bimbingan perikanan, bimbingan FAMA, bimbingan LPP, bimbingan LKIM, Veterinar, MARDI dan banyak lagi. Dan akhir sekali, penglibatan rakyat secara myKomuniti ataupun myKP di antaranya kita mempunyai program myKomuniti Perikanan, yang membentuk satu kaedah pengembangan dengan hubungan kerjasama di antara jabatan dan kumpulan sasar dan jangan dilupakan bahawa 70% daripada rakyat Negeri Terengganu adalah petani, penternak dan nelayan. Tanpa rakyat siapalah kita yang berada di Dewan ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan ini saya nak ucapkan syabas, tahniah kepada Kerajaan Negeri atas usaha dan komitmen yang begitu tinggi sekali untuk membantu rakyat khususnya dalam bidang pertanian ini. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di sana terdapat satu isu yang berbangkit dalam usaha Kerajaan memastikan kebersamaan rakyat dalam bidang pertanian iaitu wujudnya jurang pemisah antara jabatan Kerajaan dan rakyat yang dilihat menjadi penghalang kepada sistem penyampaian dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat khususnya kepada para tani. Jadi apakah strategi Kerajaan agar karenah birokrasi dan jurang pemisah ini dapat dikurang dan diminimakan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, benar sebagaimana yang disebut oleh Buluh Gading. Kita Kerajaan sebagai pembuat dasar. Jabatan-jabatan adalah pelaksana dasar dan

rakyat adalah golongan sasaran yang menerima manfaat daripada dasar. Kalau sekiranya sistem penyampaian tidak berjalan dengan lancar maka sebaik mana sekali pun dasar yang dirangka di peringkat Kerajaan tidak akan dapat diambil manfaat oleh golongan sasaran. Inilah di antara benteng pemisah, jurang, *gap* atau *barrier* yang kita telah usahakan untuk minimalkan daripada awal-awal Mei 2018 lagi. Kerana itulah dalam program-program turun padang, kalau diperhatikan memang ketua-ketua jabatan di bawah MAFI Negeri Terengganu sebanyak 13 jabatan memang sentiasa ada bersama-sama kami berjumpa dengan rakyat, berdialog, menjawab persoalan daripada rakyat dan kita bukan sahaja bawa kepimpinan jabatan di peringkat daerah, malah saya selalu arahkan supaya kepimpinan tertinggi jabatan di peringkat negeri mesti turun bersama supaya rakyat kenal ini Pengarah Perikanan, ini Pengarah Pertanian, ini Pengarah LPP dan jurang-jurang ini, bila kita minimalkan akhirnya membentuk satu hubungan. Rakyat rasa bahawa mereka dihargai dan dilayan. Sebelum daripada ini ada satu sentimen bila kita minta rakyat pergi ke pejabat, dia dah letak dalam kepala siapa nak layan kita? Sentimen ini adalah satu sentimen negatif yang akan memberi kesan yang tidak baik kepada sistem penyampaian kita.

Alhamdulillah, melalui program-program besar, seperti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Terengganu yang baru berakhir pada bulan lepas juga menjadi satu medan untuk kita mendekatkan lagi jabatan-jabatan dengan rakyat dan rakyat turut dapat hasil, di antaranya nilai jualan yang dinikmati oleh rakyat dalam tempoh tiga hari Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Terengganu melebihi RM600,000.00. Disambung pula dengan Himpunan Lembu Sado Pantai Timur menghasilkan lebih daripada RM400,000.00 nilai jualan ekonomi yang dinikmati oleh rakyat dan usaha ini *insya-Allah* berterusan dan tidak ada titik penghujungnya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya jemput Wakil Telemong.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya yang pertama-

Kepimpinan adalah perkara yang perlu diasuh dan dibentuk.

Apakah platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan barisan pemimpin pada masa akan datang?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Telemong yang telah bertanyakan soalan kepimpinan adalah perkara yang perlu diasuh dan dibentuk. Apakah platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan barisan pelapis pada masa akan datang?

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, platform yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan barisan kepimpinan pada masa akan datang adalah melalui beberapa program yang telah dan juga sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri di antaranya adalah melalui Pelan Pembangunan Belia Terengganu melalui program akademik kepimpinan Al-Fateh Terengganu. Program ini *Alhamdulillah* telah pun berjaya direalisasikan melalui program Kem Impak Belia Darul Iman ataupun ringkasnya KIAM. Tujuan utama program ini adalah untuk memacu pembangunan belia Terengganu yang sejahtera dan bakal memberi impak yang terbaik dalam aspek agama, masyarakat dan negara. Pelan Al-Fateh adalah hasrat Kerajaan Negeri Terengganu untuk mewujudkan generasi muda Terengganu yang memenuhi ciri-ciri pelapis kepimpinan pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menganjurkan program ADUN Belia Terengganu. Program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada golongan belia dan beliawanis berkaitan dengan aspek-aspek kepimpinan. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan agensi daripada Kerajaan Persekutuan. Contohnya melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu. Banyak program-program yang telah pun dikongsi di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, di antara yang paling memberikan impak yang besar adalah program Anugerah Perdana Belia Negara (APBN) yang mana di peringkat Persekutuan ada tiga kategori yang telah pun dilaksanakan iaitu Kategori Pertubuhan Belia, Individu Lelaki dan Individu Wanita. Kekuatan dan hasil kerjasama Kerajaan Negeri bersama dengan Majlis Belia Negeri

Terengganu telah pun memberikan impak yang lebih tinggi dengan tambahan sebanyak lima lagi anugerah yang telah diwujudkan di peringkat negeri di antaranya adalah Anugerah Pemimpin Muda, Pemimpin Usahawan Belia, yang ketiganya Belia Tani, yang keempatnya Sukarelawan Belia dan yang kelima ADUN Belia. Program ini adalah program yang dijalankan seiring dengan Anugerah Perdana Belia Negara yang diadakan bersekali di antara Negeri dan Persekutuan dan yang keempatnya, kerjasama dan hubungan yang erat di antara Kerajaan Negeri dengan Majlis Belia Malaysia Negeri Terengganu melalui penyaluran bantuan yang berterusan sebanyak RM1 juta untuk manfaat persatuan-persatuan belia di semua peringkat. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kalau kita lihat sejak-sejak akhir ini bahawa anak-anak muda kita bukan sahaja di Terengganu tapi yang pentingnya untuk anak-anak muda Terengganu bahawa mereka sudah kurang berminat untuk bersama-sama menggerakkan aktiviti bersama dalam berpersatuan. Ini menyebabkan kita semakin rumit untuk mendidik dan juga untuk mengajak anak-anak muda kita ini dalam bentuk kepimpinan. Ini yang perlu saya rasa. Apakah Kerajaan Negeri Terengganu bergerak ke hadapan selangkah untuk mewujudkan pusat-pusat untuk melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang cemerlang pada masa yang akan datang?

YANG BERTHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada rakan saya ADUN Telemong, kerana itulah seperti yang telah pun saya jelaskan dalam jawapan-jawapan saya sebelum daripada ini, di dalam Program Pembangunan Belia Negeri Terengganu, sebanyak lima peringkat yang telah pun kita wujudkan yang kita beri nama Piramid Marhalah Pembangunan Generasi Belia Terengganu iaitu peringkat tunas yang berumur daripada 11-12 tahun, yang keduanya peringkat didik antara 13-15, yang ketiganya bakat antara 16-19, yang keempatnya elit di antara 20-25 dan ikon 25-30 dan di samping itu juga, kita juga bekerjasama dengan beberapa agensi Kerajaan yang lain contohnya yang terbaru menerusi agensi Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu menerusi satu program yang kita beri nama SUPER SAHABAT yang kita akan adakan di kesemua lapan daerah dengan sasaran awal sebanyak 40 orang setiap satu daerah. Begitu juga program-program yang bersifat kemahiran yang juga kita adakan dengan kerjasama agensi seperti TESDEC, IKBN dan lain-lain lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Manir untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, EXCO Kerajaan dan seluruh rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, soalan saya yang pertama-

Berapakah bebanan hutang Kerajaan Negeri yang telah berjaya dikurangkan bermula dari Jan 2019 sehingga Jun 2022?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Manir yang kemukakan soalan. Soalan daripada Yang Berhormat Manir adalah mengenai bebanan hutang Kerajaan Negeri daripada tahun 2019 hingga Jun 2022. Masa tahun 2019, jumlah hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM733,129,563.52 dan setelah berlaku siri bayaran balik daripada tahun 2019 sehingga sekarang jumlah keseluruhan hutang yang tinggal adalah sebanyak RM267,090,009.57 iaitu setelah dibuat pembayaran, jumlah pembayaran sebanyak RM472,780,588.80. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan, daripada bebanan-bebanan hutang yang ditinggalkan oleh Kerajaan yang terdahulu yang kita dapat dengar tadi bersama iaitu RM472 juta yang telah dikurangkan bermula daripada pengalihan Kerajaan berlaku sehingga sekarang, jadi apakah ia juga, soalnya apakah selain daripada bayaran hutang kepada Kerajaan Persekutuan tersebut, saya percaya Kerajaan Negeri juga ada komitmen kewangan besar untuk membuat bayaran berjadual kepada pihak-pihak tertentu. Ini kerana kita ada mendengar suara yang menyatakan tidak ada apa pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan sekarang. Saya yakin ini adalah sebab di antara puncanya kerana bebanan yang terlalu banyak ditinggal oleh Kerajaan terdahulu, terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Manir, dan soalan tambahan. Sebenarnya antara bebanan yang paling besar yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri di atas perkara-

perkara yang akan saya jelaskan sekejap lagi ialah terhadap bayaran balik hutang secara paksa, *quote and quote* dengan izin melalui pemotongan 25% bayaran tunai petroleum iaitu pada tahun 2019 apabila jumlah bayaran tunai petroleum daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri telah dipotong sebanyak RM425,705,962.00 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan daripada Kerajaan Pakatan Harapan yang lalu, iaitu 25% daripada bayaran tunai petroleum, jadi itu antara kenapa berlaku pengurangan yang sangat drastik daripada jumlah hutang daripada tahun 2019 sehingga tahun 2022. Seterusnya ialah berkenaan dengan lanjutan daripada yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat tadi tentang tanggungan-tanggungan besar yang lain daripada Kerajaan Negeri antaranya ialah bayaran *schedule payment* dan *deferred payment* yang berjumlah bermula daripada tahun 2015 iaitu saya ambil secara dari belakang lagi iaitu pada tahun 2015 bermulanya sebanyak RM4 juta sahaja, 2016 sebanyak RM70 juta, 2017 RM70 juta, 2018 RM96 juta dan bermula pada tahun 2019 *schedule payment* dan *deferred payment* dengan izin adalah berjumlah RM156.57 juta pada tahun 2019, RM281.96 juta pada tahun 2020 dan RM439.74 juta pada tahun 2021. Peratusan jumlah hutang *schedule payment* dan *deferred payment* ini berbanding dengan anggaran hasil adalah sekitar 29% bagi tahun 2019, 19% bagi tahun 2020 dan 36% bagi tahun 2021, manakala pada tahun ini jumlah *schedule payment* dan *deferred payment* yang perlu dijelaskan sahaja sudah mencecah 54% daripada anggaran hasil, terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya tidak ada soalan tambahan Yang Di-Pertua, cumanya melihat kepada jumlah hutang yang sangat besar yang ditanggung oleh Kerajaan sekarang saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana menguruskan dengan pengurusan negeri dengan baik dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang berjaya mengadakan, menjayakan manifesto, menjayakan SRIDI dan SMIDI dan seumpamanya *insya-Allah*, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh soalan tambahan satu Dato' Yang di-Pertua, boleh tambah tak?

YANG BERTHORMAT DATO' Yang Di-Pertua: Lewat dah ni Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nak dapatkan penjelasan sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' Yang Di-Pertua: Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sila, terima kasih Dato' Yang di-Pertua, saya tertarik bila dia sebut oleh sahabat saya daripada Manir *sakni* dan juga telah diberi jawapan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah berjaya mengurangkan hutang, tetapi saya ingin tahu sebenarnya apa hutang yang kita terpaksa berhutang, apa benar kita kena jelaskan juga kadang-kadang takut ada kepentingan dengan rakyat, terpaksa kita buat demi rakyat, kita buat, jadi saya nak tahu apakah kepentingan yang menyebabkan hutang melambung naik pada tahun 2019, terima kasih Dato' Yang Di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' Yang Di-Pertua: Yang Berhormat, nak tahu jawapan sahaja, kan. Okey sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih pada soalan tambahan daripada Telemong, bermula daripada yang dibangkitkan oleh Telemong tadi tentang 2019 sebenarnya jumlah hutang Kerajaan Negeri daripada dahulu pun memang sudah ada hutang, dan hutang-hutang ini wujud dalam pelbagai bentuk projek-projek yang telah dilaksanakan antaranya ialah projek di bawah PMINT, Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah dan pelbagai-pelbagai projek ada pun yang berkait *deferred payment dan scheduled payment* itu adalah projek yang selain daripada apa yang saya jelaskan tadi iaitu beberapa spesifik projek yang baharu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' Yang Di-Pertua: Yang Berhormat sekalian, saya rasa sekadar itu sesi soal jawab Soalan Lisan yang sempat saya benarkan, soalan-soalan yang tidak sempat yang ditanya akan dijawab secara bertulis. Yang Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat sekalian saya ditangguhkan sementara sidang kita dan kita sambung semula pada pukul 11.05 minit.

PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Ahli Yang Berhormat sekalian saya berhasrat untuk selesaikan semua usul dan juga Rang Enakmen pada hari ini dan sudah tentu saya memerlukan kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara seterusnya dalam Tertib Pekerjaan Dewan ialah usul yang telah diberi notis. Dipersilakan Yang Berhormat Ariffin bin Deraman, Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan usul.

USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2022**

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil ALUR LIMBAT):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Seksyen Kecil (3) kepada Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan tambahan peruntukan yang pertama daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negeri bagi tahun 2022 sebagaimana ditentukan dalam JADUAL di bawah ini:-

JADUAL

MAKSUD	TAJUK	TAMBAHAN (RM)
P.02	Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	479,516,310.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu	7,059,830.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	1,814,860.00
P.33	Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu	11,609,000.00
JUMLAH		500,000,000.00

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bil. 14/2022. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DR. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi (Wakil Batu Buruk):
Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang, saya buka untuk perbahasan. Sila, Wakil Kijal.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan sekalian. Saya tidak bercadang untuk berbahas lebih panjang kali ini tapi saya ingin dapatkan penjelasan lanjut butiran-butiran kepada tambahan peruntukan iaitu pertama saya merujuk kepada Kod Projek 13988 Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu, RMM Gong Chengal I Kemaman, peruntukan dalam anggaran RM5 juta, tambahan dikehendaki RM5.5 juta, tambahan disyorkan RM8 juta. Kenapa ini berbeza? Yang kedua, Kod Projek 13993, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, RPMM Banggol Pauh, Kuala Nerus, peruntukan anggaran RM5 juta, tambahan dikehendaki RM5.5 juta tetapi tambahan disyorkan hanya RM3 juta, saya mohon penjelasan lanjut pihak Kerajaan. Terima kasih. Sebab tak *tally*, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila Wakil Kerajaan. Asas kepada perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil Kijal itu sebenarnya sudah ada penjelasan dalam Kertas Dewan Bil. 14/2022. Betul Yang Berhormat? Asas kepada mengapa butiran-butiran itu diperlukan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ya, kerana telah ada tapi tidak, kata orang *dok siku*. Peruntukan yang ditambah dikehendaki lain, tambahan disyorkan lain, dua ini yang berlaku percanggahan, yang lain okey, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa ambil masa, ambil masa, sila, ambil masa. Mana-mana EXCO boleh beri penjelasan, tak semestinya daripada pencadang usul.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Ulang semula soalan itu.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan Kod Projek 13988, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, RMM Gong Chengal I, Kemaman, peruntukan dalam anggaran RM5 juta, tambahan dikehendaki RM5.5 juta, tambahan disyorkan RM8 juta. Kenapa peningkatan berlaku sedangkan disyorkan hanya RM5.5 juta. Yang kedua, Kod Projek 13933 RMM Banggol Pauh, Kuala Nerus, peruntukan dalam anggaran RM5 juta, tambahan dikehendaki RM5.5 juta, tambahan disyorkan cuma RM3 juta. Mohon penjelasan kenapa ini berlaku. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Minta pegawai bantu EXCO.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya rasa untuk penjelasan ini, untuk baca di situ, tambahan peruntukan untuk projek kod 13988 RMM Gong Cengal II, Kemaman, tambahan peruntukan diperlukan untuk bayaran bagi menyelesaikan baki kerja. Status kemajuan fizikal adalah 49.39% dan dijangka siap pada Februari 2023, tahun depan. Keperluan peruntukan bagi bayaran kerja pada tahun 2022 adalah RM13 juta, iaitu RM5 juta menggunakan peruntukan tahun

semasa dan RM5.5 juta melalui peruntukan tambahan, jadi jumlah dia RM10.5 juta dan untuk anggaran penyiapan kerja yang cepat ini, dia minta tambahan supaya RM8 jutalah. Tidak perlu kita jawab dalam Dewan dua tiga kalilah soal itu.

Yang seterusnya, Banggol Pauh. Banggol Pauh P.02 13993. Tambahan peruntukan diperlukan untuk bayaran bagi kerja-kerja tanah dan bayaran kepada perunding. Status kemajuan fizikal 2.37%. Keperluan peruntukan bagi bayaran tahun 2022 adalah RM8 juta, dan RM5 juta menggunakan peruntukan semasa dan RM5.5 juta melalui peruntukan tambahan. Yang disyorkan tambahan RM3 juta. Itu penjelasannya, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang di-Pertua, ini memerlukan justifikasi. Kalau peruntukan tak cukup tahun ini, kena masuk tahun depan, masuk tahun depan, apa yang keperluan semasa?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kos keseluruhan RM13 juta. Jadi apa yang diminta itu untuk bayaran mesti dibuat pada tahun ini, bukan tahun depan. Tahun ini kena bayar dah. Sebab projek itu lebih ke depan siapnya.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab itu betul tu Yang Berhormat, Bukit Tunggal jawab sakni, kita nak wat sekaligus termasuk tahun depan. *Hok* tahun depan, tahun depanlah. Tadi jawapan pertama tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dakpe* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Kehadapan. Bayaran ke hadapan yang dijangkalah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tak boleh ke hadapan.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Semua belanja tahun ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, saya harap tak payah panjang. Sudah ada penjelasan dari segi *approach* sahaja. Okey, saya buka lagi ada lagi Yang Berhormat nak minta penjelasan?

YANG BERTHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Saya, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Sebelum kita meluluskan usul yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan tadi, saya suka merujuk kepada peruntukan maksud P.33 Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu yang berjumlah RM11,609,000.00. Mohon penjelasan pihak Kerajaan kerana dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas, pihak EXCO ada memberi penjelasan tentang isu tekanan air rendah di Besut. Yang Berhormat EXCO menyatakan bahawa isu bekalan air rendah di Besut dapat diselesaikan sekiranya *booster pump* dipasang, *diactivate* dan juga dipasang di Seberang Jertih. Jadi boleh *tak* pihak Kerajaan maklumkan dalam peruntukan manakah sama ada Kod Projek 06606 ataupun 06619 ataupun 06644 ataupun 06645 untuk mengadakan *booster pump* untuk menyelesaikan tekanan air rendah di Besut tersebut. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Kuala Besut. Sebenarnya baru-baru ini kita dah lulus RM40 juta untuk kegunaan pada tahun inilah. Jadi didapati tidak cukup, jadi kita minta lagi tambahan sebanyak RM11.6 juta. Jadi antaranya beberapa perkaralah yang telah disebutkan di sana tetapi berkaitan dengan *booster* tu, saya rasa itu *insya-Allah* akan dapat diselesaikan untuk Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Maksudnya belum dipasang lagi ke Dato' Yang di-Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Detail* sangat Yang Berhormat, *detail* sangat. Saya ingat cukup setakat itu sahaja. *Details* sangat. Makna kita ambil benda-benda dasar sahaja.

Okey, kalau tak ada yang nak minta penjelasan lebih lanjut, sekarang saya buka pada undian-

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita nak setuju *guana data dok betul ni*, kena perbetulkan data dahulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Hok* mana *dok* betul Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Hok* yang Kijal sebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Dah* jawab tadi. Ni *approach* sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): *Approach* guana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya ingat takdok masalah *dah*. Dah beri penjelasan tadi. Takpelah, sekarang ini kita di peringkat undian. Kalau Yang Berhormat bersetuju, angkat tangan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Sebab tu saya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau Yang Berhormat dok bersetuju...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya sokong... saya sokong, tetapi data ini kena diperbetulkan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Data tak ada masalah sebenarnya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Orang kata *dok* bijak ni. Peruntukan anggaran RM5 juta, tambahan dikehendaki RM5.5 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Dah dia bagi penjelasan dah tadi kan?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Penjelasan *guana*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penjelasan dimasukkan tahun ini
jugak ataupun *hok* yang ambil kira *hok* tahun depan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Betul,
jadi kena betul. Peruntukan dalam anggaran ini jadi berapa juta. Ataupun
dikurang *hok ni* ataupun naik *hok ni*, kena betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Takdok* masalah. *Takdok*
masalah. Yang Berhormat jangan kelirukan Dewan pulak. Ini soal angka dan
juga *approach* sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang
Berhormat Dato' Yang di-Pertua, ini Dewan ini. Diluluskan di Dewan Negeri, jadi
kena betul. Kena ngaku. Silap silap. Paling mudah jawapannya *typing*
error, jawablah gitu.

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang
Berhormat Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap. Kalau kita lihat di sini,
peruntukan pada tahun ini adalah RM13 juta. Ini berkaitan dengan perumahan
di Gong Cengal. RM13 juta telah diluluskan RM5 juta, jadi baki lagi RM8 juta.
So, pasal itu di sini kita minta tambahan dan disyorkan RM8 juta. Tidak ada
masalah saya rasa.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato'
Yang di-Pertua, kalau lulus dah RM13 juta, kenapa bawa ke Dewan ini
tambahan. Lulus RM13 juta, okey RM13 jutalah, cukuplah. Kenapa diperlukan
lagi tambahan masuk ke dalam Dewan? *Bahang rambang*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sekarang saya nak pergi terus
kepada undian-

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan
dipersetujui dengan suara terbanyak.*

USUL INI DITERIMA.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar, Wakil Ladang untuk mengemukakan usul.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan –

"Bahawa menurut Fasal 42 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini membuat KETETAPAN bersetuju meminda Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu (Pindaan) 2022 berkuatkuasa pada 18 November 2021"

Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu adalah dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 109 peraturan yang berikut:

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap

- 109A. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap.
- (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada–
- (a) Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi; dan
 - (b) Enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Dewan dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap penggal persidangan.
- (3) Adalah kewajipan Jawatankuasa ini menimbang dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan penyata berkaitan dengan

Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi ditimbang.

- (4) Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat kecuali Dewan membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.
- (5) Jika pemberitahu usul mengandungi apa-apa Peraturan-Peraturan Tetap, maka pemberitahu itu hendaklah disertakan dengan satu rang pindaan yang dicadangkan itu, dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, adalah disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap, dengan tidak dikemukakan masalah kepada mesyuarat, dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap telah mengeluarkan penyata-penyata kepada Dewan berkenaan dengan cadangan itu.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

- 109B (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.
- (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi; dan
 - (b) tujuh orang ahli yang dilantik oleh Dewan dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan iap-tiap penggal persidangan.
 - (3) Kepada Jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh kuasa, hak dan kebebasan Dewan. Adalah menjadi kewajipan atas Jawatankuasa ini menimbang apa-apa perkara demikian itu yang di atas perkara itu kepada Dewan.
 - (4) Jika Dewan tidak bersidang, seseorang ahli boleh memberitahu Yang Dipertua jika ada dikatakan telah berlaku kesalahan melanggar peraturan hak dan kebebasan Dewan. Yang di-Pertua, jika berpuas hati iaitu pada zahirnya telah dilakukan kesalahan itu,

bolehlah diserahkan perkara itu kepada Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa ini hendaklah mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan ini.

- (5) Jawatankuasa ini berkuasa boleh memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikeluarkan surat dan boleh mengeluarkan penyata kepada Dewan dari satu masa ke satu masa.

Jawatankuasa Pengurusan Dewan

- 109c. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Dewan.
- (2) Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi; dan
 - (b) Enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Dewan dengan seberapa segeranya yang boleh selepas dimulakan tiap-tiap penggal persidangan kerana menimbangkan dan menasihatkan Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan dengan kesenangan dan kemudahan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan yang terdapat bagi ahli-ahli Dewan.
- (3) Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat-surat kecuali Dewan membuat ketetapan memberi kuasa berkenaan dengan ini.
- (4) Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dewan hendaklah dihantar kepada semua ahli Dewan."

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk sesi perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap?

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk mencadangkan pindaan sebagaimana yang telah dibentangkan tadi pada halaman 70 bilangan 2(b) tujuh orang ahli dipinda kepada enam orang ahli. Jadi cadangannya daripada tujuh kepada enam bagi membolehkan ahli-ahli bersidang berada dalam jumlah yang ganjil untuk mempermudah proses pengundian jika ada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih kepada Yang Berhormat, ada perkara yang terlepas pandang dan telah mencadangkan pindaan ke atas keanggotaan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sekarang saya buka kepada undian-

Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan pindaan dengan suara terbanyak.

USUL INI DITERIMA.

RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Rang Undang-Undang.

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Mamad bin Puteh (Wakil Kuala Berang) mengemukakan Rang Undang-Undang Yang Pertama.

ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) (PINDAAN) 2022

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN MINERAL
(TERENGGANU) 2002 DIBACA BAGI KALI YANG
PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002, dibaca kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*]. Pindaan yang dicadangkan adalah untuk memotong keseluruhan peruntukan dan sebutan berkenaan lesen air dan permit air di samping memastikan pelarasan dan ketiadaan pertindihan bidang kuasa dengan Enakmen Sumber Air (Terengganu) 2020.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong takrif

"lesen air" dan "permit air" untuk memastikan pelarasan dengan Enakmen Sumber Air (Terengganu) 2020.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memotong keseluruhan Bahagian VIII Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*]. Ini kerana keseluruhan Bahagian ini adalah berkenaan "Peruntukan mengenai air" dan peruntukan ini telahpun disebut di dalam Enakmen Sumber Air (Terengganu) 2020.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk menggantikan seksyen 115 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan seksyen yang baru.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 116 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*]. Perkataan "dan permit" dibuang daripada nota bahu, subseksyen 116(2) dipotong memandangkan ianya berkenaan permit air dan apa-apa sebutan berkenaan "lesen air" dan "permit air" dipotong dari subseksyen 116(3).

7. *Fasal 6* bertujuan untuk memotong perkataan "lesen air dan permit air" dari perenggan 117(a) Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*].

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 118 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong perkataan "permit" di dalam nota bahu. Dalam subseksyen 118(1), perkataan "lesen air dan permit air" dipotong manakala perkataan "atau permit" dipotong memandangkan permit yang dirujuk ini adalah berkenaan permit air sahaja.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 119 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong perkataan "permit" di dalam nota bahu dan perkataan "atau lesen air" di dalam subseksyen (2). Keseluruhan subseksyen (3) juga dipotong kerana ia berkenaan permit air sahaja serta perkataan yang menyebut berkenaan permit juga dipotong daripada subseksyen (4) memandangkan permit yang dirujuk disini ialah berkenaan permit air.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memotong keseluruhan subseksyen 120(2) Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] memandangkan ia berkenaan permit air sahaja.
11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 121 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong perkataan yang menyebut berkenaan permit memandangkan permit yang dirujuk di sini ialah berkenaan permit air.
12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 125 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong perkataan "atau Penguasa Lombong, mengikut mana-mana yang berkenaan". Ini kerana, merujuk kepada seksyen 115 Enakmen yang sama, subseksyen 115(2) telah dipotong di mana ia menyebut berkenaan keperluan Penguasa Lombong untuk membuka suatu siri buku berkenaan daftar permit air. Oleh yang demikian, untuk menyeragamkan Enakmen ini, perkataan yang disebut di atas dipotong daripada seksyen 125.
13. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda subperenggan 188(2)(k) Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] dengan memotong perkataan "lesen air dan permit air" dalam memastikan pelarasan dengan Enakmen Sumber Air (Terengganu) 2020.
14. *Fasal 13* bertujuan untuk memotong Borang H dan Borang I dalam Jadual I Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen Bil. 8 Tahun 2002*] memandangkan borang-borang tersebut adalah berkenaan lesen air dan permit air.

Implikasi kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan kewangan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan-

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada perbincangan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Mineral (Terengganu) 2002. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN MINERAL
(TERENGGANU) 2002, DIBACA BAGI KALI YANG
KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN MINERAL
(TERENGGANU) 2002, TELAH DITIMBANGKAN DARI
SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH
DIPERSETUJUI DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN
SEBULAT SUARA.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada

pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI BERIKUT:

1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) (PINDAAN) 2022.

(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Mineral (Terengganu) (Pindaan) 2022.**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim (Wakil Jabi) mengemukakan Rang Undang-Undang Yang Kedua.

**ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU
(PINDAAN) 2022**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360 dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH
SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360,
DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan bagi Orang-Orang Melayu 1360 dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 9 (iii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360 supaya **P-EXCELL MANAGEMENT SDN. BHD.** menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindahmilik.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan-

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada perbahasan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI
ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI
YANG KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
UNTUK MEMINDA TANAH SIMPAN BAGI ORANG
MELAYU 1360 TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU
FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI
DENGAN TIADA PINDAAN DENGAN SEBULAT SUARA**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

1 (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) 2022.

(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH PENYIARANNYA DALAM WARTA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) 2022.**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak (Wakil Bukit Tunggal) mengemukakan Rang Undang-undang Yang Ketiga.

**ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN
(NO.2) 2021**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun Itu dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU
ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG
DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN
TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN
ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada

Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2021 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan Awam Negeri dalam tahun 2021 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2021. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbincangan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian? Sila Wakil Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya tidak akan membahaskan cuma saya buat pembetulan apa yang saya tegur tadi. Kalau salah, katakan salah, kalau betul katakan betul. Yang kedua, kalau susah sangat, macam saya sebut *dah* tadi, *typing error*. Betul lah. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Oleh kerana tiada perbincangan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2021 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Maksud Yang Tertentu Bagi Tahun Itu. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN
TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK MAKSUD TERTENTU BAGI TAHUN ITU,
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN
TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK MAKSUD TERTENTU BAGI TAHUN ITU,
TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU
FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN
DENGAN SUARA TERBANYAK**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam jawatankuasa dan telah dipersetujui dan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Buluh Gading): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2021 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

1 ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO. 2) 2021.

(1) MAKA ADALAH DIBENARKAN SUPAYA DIKELUARKAN SEJUMLAH WANG TIDAK LEBIH DARIPADA DUA RATUS EMPAT PULUH JUTA RINGGIT (RM240,000,000.00) DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI PERBELANJAAN UNTUK PERKHIDMATAN YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2021 YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN ATAU TIDAK DIPERUNTUKKAN DENGAN SEPENUHNYA OLEH ENAKMEN PERBEKALAN 2021 [ENAKMEN 2 TAHUN 2020].

(2) WANG YANG TERSEBUT ITU ADALAH DIPERUNTUKKAN BAGI MAKSUD YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL.

JADUAL		
<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Amaun (RM)</u>
B.04	Perbendaharaan Negeri	240,000,000.00
Jumlah		240,000,000.00

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 2) 2021**

SETIAUSAHA DEWAN: Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Haji Alias Bin Razak (Wakil Bukit Tunggal) mengemukakan Rang Undang-undang yang keempat.

ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2022

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK
PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN
TAHUN 2022 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG
ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN
ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2022 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang ini memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan awam negeri dalam tahun 2022 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan 2022. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Oleh kerana tiada perbahasan, kita teruskan pembentangan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Untuk Perbelanjaan Tambahan Bagi Perkhidmatan Tahun 2022 Dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Maksud Yang Tertentu Bagi Tahun Itu. Sekarang saya buka kepada undian-

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dipersetujui dengan suara terbanyak

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2022 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2022 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD TERTENTU BAGI TAHUN ITU, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memaklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG YANG DISATUKAN UNTUK PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2022 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN WANG ITU UNTUK MAKSUD YANG TERTENTU BAGI TAHUN ITU

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI YANG BERIKUT:

- 1 ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN 2022.**
- 2. (1) MAKA ADALAH DIBENARKAN SUPAYA DIKELUARKAN SEJUMLAH WANG TIDAK LEBIH DARIPADA TUJUH RATUS JUTA RINGGIT (RM700,000,000.00) DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI PERBELANJAAN UNTUK PERKHIDMATAN YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL BAGI PERKHIDMATAN TAHUN 2022 YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN ATAU TIDAK DIPERUNTUKKAN DENGAN SEPENUHNYA OLEH ENAKMEN PERBEKALAN 2022 [ENAKMEN A75].**

**(2) WANG YANG TERSEBUT ITU ADALAH
DIPERUNTUKKAN BAGI MAKSUD YANG
DINYATAKAN DALAM JADUAL.**

JADUAL		
<u>Maksud</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Amaun (RM)</u>
B.04	Perbendaharaan Negeri	700,000,000.00
Jumlah		700,000,000.00

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan Tambahan 2022**

Yang Berhormat, saya ingin memanjangkan jemputan ke jamuan makan tengah hari yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli Yang Berhormat di Damai *Lounge* manakala Ketua Jabatan dan pemerhati di perkarangan Dewan Undangan Negeri seperti biasa.

Dengan ini saya tangguhkan persidangan kita kepada esok hari iaitu 26 Julai 2022 jam 9.30 pagi dan marilah sama-sama kita tangguhkan dengan membaca tasbih kaffarah dan surah Al-'Asr.

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERHORMAT YANG DI-PERTUA
Dato' Haji Yahaya bin Ali, DPMT., PJC.

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat, SMZ.
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak, SMT.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Dr. Azman bin Ibrahim, AMZ.
WAKIL JABI

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat, PJK.
WAKIL CUKAI

Yang Berhormat Wan Sukairi bin Wan Abdullah
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Mamad bin Puteh, PJK.
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Haji Mohd Nurkhuzaini bin Ab. Rahman
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Dr. Muhammad Khalil bin Abdul Hadi
WAKIL BATU BURUK

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim
WAKIL BULUH GADING

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun
WAKIL RANTAU ABANG

Yang Berhormat Sulaiman bin Sulong
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Ab. Razak bin Ibrahim
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Haji Maliaman bin Kassim
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Hajah Zuraida binti Md. Noor
WAKIL WANITA

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Datuk Haji Nawi bin Mohamad, PMW.,SMT.,PJK.
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, KMN.,AMZ.,PPN.
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Datuk Abd. Halim bin Jusoh, DPSM.
WAKIL PERMAISURI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Dato' Razali Bin Che Ani, DIMP.

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
YB Haji Rozali bin Salleh, SMZ., AMT., PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Encik Zulkifly bin Isa, AMZ., PJK.

TIDAK HADIR:

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, SSMZ.
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Mohd Nor bin Hamzah, SMT.
WAKIL BUKIT PAYUNG

Yang Berhormat Ahmad Shah bin Mohamed
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Ir. Saiful Azmi bin Suhaili
WAKIL KEMASIK

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN
YBM Tengku Seri Bijaya Raja, PSD., DPMT., SMZ., DNS., KAT., BCM., PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula. Sebelum kita memulakan mesyuarat atau persidangan kita pada pagi ini, marilah kita membaca Ummul Kitab Al-Fatihah.

Oleh kerana kita telah membuka persidangan kita selepas kita menghadapi COVID-19, kepada pemerhati, saya difahamkan pada hari ini ada 20 orang ADUN Belia iaitu satu persidangan yang kita mahu mendedahkan belia-belie kita pada Persidangan Dewan hadir pada pagi ini. *Alhamdulillah*, sebagaimana yang saya cadangkan, kelmarin kita telah selesai berbincang dan meluluskan dua Usul dan empat Rang Enakmen dengan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terdahulu saya ucapkan terima kasih. Hari ini kita akan teruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Berikut adalah Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada hari ini iaitu pada 26 Julai 2022:

1. Yang Berhormat Wakil Bukit Besi
2. Yang Berhormat Wakil Rantau Abang
3. Yang Berhormat Wakil Jertih
4. Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan
5. Yang Berhormat Wakil Batu Rakit
6. Yang Berhormat Wakil Bandar
7. Yang Berhormat Wakil Langkap
8. Yang Berhormat Wakil Air Putih
9. Yang Berhormat Wakil Kuala Besut
10. Yang Berhormat Wakil Wanita
11. Yang Berhormat Wakil Tepoh
12. Yang Berhormat Wakil Batu Buruk
13. Yang Berhormat Wakil Kijal
14. Yang Berhormat Wakil Sura
15. Yang Berhormat Wakil Seberang Takir
16. Yang Berhormat Wakil Telemong
17. Yang Berhormat Wakil Manir

Kita nak mulakan Soalan-soalan Lisan bermula dengan Ahli Berhormat yang tak sempat kemukakan soalan kelmarin, ikut susunan. Jadi saya nak mulakan dengan serangkap pantun untuk menjemput Ahli Berhormat yang berkenaan.

Budaya penjajah perlu dihalau
Hidup Islam jadi amalan
Yang Berhormat Bukit Besi persis Mat Kilau
Mula berpencak tanyakan soalan

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 1-

Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap perkembangan meningkatnya jumlah pendaratan penyu di Terengganu sejak akhir-akhir ini dan apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghidupkan kembali industri pelancongan berasaskan pendaratan penyu di Terengganu?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan seluruh Ahli Dewan. Soalannya apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap perkembangan meningkatnya jumlah pendaratan penyu di Terengganu sejak akhir-akhir ini dan apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menghidupkan kembali industri pelancongan berasaskan pendaratan penyu di Terengganu. Negeri Terengganu pernah menerima empat daripada tujuh spesies penyu di dunia mendarat di negeri ini. Kini, berbanding spesies lain iaitu Belimbing, Lipas dan Karah hanya spesies Agar yang menunjukkan sedikit peningkatan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan, pendaratan penyu akan meningkat sebanyak 3.18% pada tahun 2019 hingga 2020. Terdapat beberapa produk pelancongan yang terkait dengan kehadiran penyu di Negeri Terengganu seperti melihat penyu bertelur, melepaskan anak penyu ke laut, *snorkeling* atau menyelam, melihat penyu di Taman Laut, Pameran Sains Penyu di Pusat Penerangan dan Santuari Penyu serta penjualan produk cenderahati yang mempunyai imej penyu. Untuk menghidupkan kembali segmen pelancongan yang berkait rapat dengan penyu ini, Pihak Jabatan Pelancongan Negeri turut meletakkan sasaran utama iaitu kelestarian pelancongan penyu agar kesemua produk yang terkait dengan penyu ini akan dapat memberi manfaat kepada lebih ramai pihak untuk jangka masa yang panjang. Penggubalan Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021) yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2022 yang mengandungi larangan milikan telur semua jenis penyu dan kenaikan kadar denda bagi kesalahan di bawah enakmen ini.

Seterusnya, membanyakkan tapak penetasan penyu bagi memastikan telur-telur penyu dapat dieram dan ditetaskan. Menambahkan rakan strategik pengurusan penyu dan menguatkan lagi kerjasama bersama rakan strategik sedia ada yang terdiri daripada NGO, IPT, pihak swasta dan pengusaha hotel merangkumi pengurusan pengawal seliaan pantai pendaratan penyu, penyelidikan kewangan dan sebagainya. Dan ada pelbagai program *volunteerism* antaranya dengan pihak UMT di Pulau Redang, Lang Tengah Turtle Watch di Pulau Lang Tengah dan Fuze Ecoteer di Pulau Perhentian dan banyak lagi yang akan menyusul. Jadi itulah di antara usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan dan *insya-Allah* kita akan menjadikan walaupun tidak

sehebat dulu tapi kita akan teruskan pelancongan berasaskan pendaratan penyu di Negeri Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih penjelasan. Saya *nok* tahu, sehingga kini berapa ramaikah pemajak kawasan pendaratan penyu di seluruh Terengganu dan sejauhmanakah mereka berperanan sebagaimana yang diinginkan Kerajaan? Mungkin melalui syarat-syarat yang telah ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan dia pemajak ke? Okey, kalau pemajak saya memerlukan notis sebab dia di bawah portfolio yang lain. Cuma apa yang saya nak sebut dari sudut pelancongannya, berasaskan rekod terdapat peningkatan jumlah pelawat. Saya akan sebut jumlah pelawat di pusat-pusat penyu seliaan Jabatan Perikanan kerana pelawat ini sangat penting khususnya dari segi pelancongan kerana ramai di kalangan yang melawat Pusat-pusat Santuari Penyu ini adalah terdiri daripada orang-orang luarlah, maksudnya pelancong daripada luar. Mungkin kita tidak dapat rasakan sebagaimana Rantau Abang yang dulu, yang terlalu banyak penyu naik dan ramai yang datang ke Rantau Abang, tetapi sebenarnya saya bagi contoh pada tahun 2018, bilangan pelawat 24,306 orang di pusat-pusat, maksudnya lawatan ke Pusat-pusat Penyu Terengganu.

Tahun	Bilangan
2019	39,472 orang
2020	18,388 orang
2021	31,511 orang

Adapun sehingga Mei 2022 maksudnya hampir separuh tahun kita sudah mendapat kunjungan 35,562 orang. Maksudnya sekali gandalah daripada tahun yang sebelum. Jumlah keseluruhannya 149,239 orang. Maksudnya saya *relate* jawapan ini dengan soalan yang ditanya sebelum ini. Sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh tambahan penjelasan Dato' Yang di-Pertua? Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya berkaitan dengan penyu *ning*, adalah satu akronim yang simbol dan juga akronim yang sangat sinonim bagi Negeri Terengganu lah. Bagaimana yang kita maklum sejak pada dulu lagi, berbagai usaha yang dibuat oleh pihak

Kerajaan, dan kita pula, kita kena membina satu apakah Kerajaan kalau kita tengok hari ini *tadok doh* penyu, *dok naik doh* macam dulu. Jadi *guane* kita nak mengekalkan penyu ini merupakan satu benda yang menjadi lekat dalam *pale* orang. Jadi apa kalau kita kata kita buat program-program itu, lepas pun penyu *dok* naik-naik juga, kita buat tempat penyu nak naik, *dok* naik juga. Jadi kita nak mengekalkan 50 tahun akan datang, bahawa penyu ini orang sebut penyu orang tahu Terengganu. Nok wat. Apakah peranan Kerajaan...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penyu *ngajuk* Yang Bert hormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Apa perancangan kerajaan...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penyu *ngajuk* nak mari...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ha?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Penyu *ngajuk* nak mari.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sejak bila penyu *ngajuk* ni? Masa BN mula boleh tahan lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: (Ketawa).

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, dia bersabit dengan Portfolio Pertanian di bawah Jabatan Perikanan, saya bantu untuk bagitahu beberapa faktalah, jumlah pemajak yang ada di Negeri Terengganu dalam 100 lebih dan kawasan yang dipajak itu ialah kawasan yang rendah pendaratan penyu bagi kawasan yang tinggi kadar pendaratannya, dijaga sendiri oleh kakitangan-kakitangan yang berada di bawah Jabatan Perikanan dan apabila kita kuatkuasakan Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 Pindaan 2021, yang mengharamkan penjualan semua jenis telur penyu, maka pemajak-pemajak ini tidak boleh lagi nak jual telur penyu ini di pasaran terbuka, Jabatan Perikanan yang akan beli untuk tujuan penetasan dan beberapa pihak lain yang diberikan kebenaran bagi tahun

2022 ini, peruntukan untuk pembelian telur penyu dinaikkan daripada RM600,000.00 pada tahun 2021 kepada RM900,000.00 sebab kita memerlukan lebih bajet untuk beli telur.

Untuk makluman Dewan sahaja, pada tahun 2021 sebanyak 7378 sarang pendaratan penyu telah direkodkan. Maknanya tidak berkurangan. 7000 lebih dan jabatan telah berjaya mengeramkan sebanyak 582,000 telur penyu. Daripada 582,000 telur penyu yang dieramkan, sebanyak 432,000 lebih anak penyu yang menetas dan berjaya dilepaskan kembali ke laut. Kalau ikut kepada statistik umum, daripada 1000 ekor anak penyu yang dilepaskan untuk kembali ke laut, seekor akan kembali semula ke pantai di mana tempat ia menetas. Jadi kalau 432,000 yang dilepaskan kita mengharapkan paling kurang sekitar 432 ekor akan balik semula ke tempat dia menetas untuk mengundi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Dato' Yang di-Pertua, sikit je.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey. Bila bercakap pasal penyu ini, seingat saya yang sangat sinonim dengan Rantau Abang dulu adalah Penyu Belimbing dan difahamkan Penyu Belimbing lama dah tak mendarat di pantai Terengganu dan direkodkan yang *lastnya* mendarat di Terengganu adalah pada tahun 2017 dan saya difahamkan pihak Kerajaan Negeri ada ura-ura nak beli telur Penyu Belimbing daripada luar negara untuk dieramkan supaya banyak lagi Penyu Belimbing boleh ditetaskan di pantai Terengganu dan dapat banyakkkan lagi Penyu Belimbing mendarat di Terengganu. Jadi apakah usaha itu berjaya dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri nak beli telur Penyu Belimbing daripada luar negara dan *wat* mari ke Negeri Terengganu. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua setakat ini kita tidak ada apa-apa perancangan untuk beli telur penyu daripada luar negara, ditetaskan di negeri kita sebab kalau kita tetaskan di negeri kita pun belum tentu penyu itu akan balik semula ke tempat kita. Yang kita pinda pada tahun lepas, Enakmen Pemuliharaan Penyu 1951 Pindaan 2021 itu diantaranya berkaitan dengan pendaratan Penyu Belimbing sebab Enakmen itu hanya menghalang penjualan telur Penyu Belimbing. Telur-telur penyu

spesis lain daripada belimbing tidak dihalang untuk dijual dan apabila direkodkan, kali terakhir Penyu Belimbing dikesan mendarat di pantai Terengganu adalah pada tahun 2017 bermakna Enakmen itu sudah tidak relevan lagi kerana kita mengharamkan penjualan apa sebenarnya sudah tidak wujud di Negeri Terengganu dan kita fokus kepada spesis-spesis lain diantaranya yang paling kerap mendarat di pantai Terengganu ialah spesis Penyu Agar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih. Ada lagi tak? Panjang dah ni. Kalau betul penting, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya difahamkan pemajak telur penyu di Terengganu ini ada meminta Kerajaan Negeri mengkaji semula harga belian telur eksotik. Kalau kita tengok nilai belian itu dengan harga RM1.50 *sutir*, kalau betul, apakah perancangan Kerajaan maknanya untuk menambahkan lagi belian itu daripada RM1.50 ke RM3.00 ke? Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Benar sebagaimana yang dinyatakan oleh Bukit Besi, memang anggaran awal kita tetapkan harga dalam RM1.50 untuk sebiji telur penyu, kemudian apabila kita buat Sesi Libat Urus bersama dengan pemajak-pemajak, majoriti tidak bersetuju sebab harga tu terlalu rendah dan saya telah arahkan Jabatan Perikanan untuk buat sekali lagi Sesi Libat Urus tengok harga yang lebih munasabah dalam masa yang sama kita juga perlu timbang dari segi beban kewangan Kerajaan sebab apabila telur penyu ini diharamkan penjualan di pasaran terbuka, beban itu dipikul sepenuhnya oleh Kerajaan untuk beli dan di samping beberapa pihak lain yang tak banyak sebenarnya mereka beli dan Sesi Libat Urus itu telah dibuat, saya belum mendapat maklumat terakhir tetapi dimaklumkan ada kenaikan dalam Libat Urus dan persetujuan bersama di antara para pemajak dan juga Jabatan Perikanan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput wakil Rantau Abang.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 1-

*Apakah persediaan pihak MSNT untuk mendepani acara SUKMA
September 2022 ini?*

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya daripada Rantau Abang yang telah bertanyakan tentang apakah persediaan pihak Majlis Sukan Negeri Terengganu untuk mendepani acara SUKMA pada September 2022 ini? Dato' Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat sekalian, Majlis Sukan Negeri telah pun merangka pelbagai program di dalam menyediakan kontinjen negeri untuk mendepani cabaran SUKMA 2022-2020 yang dijadualkan pada 16-24 September 2022. Sekurang-kurangnya ada enam program yang telah pun dilakukan oleh Majlis Sukan Negeri Terengganu di dalam usaha untuk mendepani cabaran SUKMA yang akan datang.

Yang pertamanya ialah latihan awal. Untuk makluman, latihan atlet Terengganu telah pun dimulakan seawal 12 November 2020 iaitu lah tiga hari selepas pengumuman rasmi SUKMA 2020 dibatalkan. Bermula pada tarikh itu, latihan tidak pernah dihentikan walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19 sehinggalah 26 Julai 2022. Kontinjen Terengganu telah menjalani latihan sehingga kini selama 662 hari. Yang keduanya, sasaran kerja. Setiap pasukan telah pun diletakkan sasaran kerja masing-masing untuk dicapai bagi membolehkan Kontinjen Terengganu muncul juara SUKMA 2022 sebagaimana *tag line '2022 Victory Mission'*. Yang ketiganya, latihan berfasa. Bagi mempersiapkan satu kontinjen yang mantap dan berdaya saing Majlis Sukan Negeri telah pun menyediakan pelan latihan secara berfasa mengikut jangka masa yang ditetapkan.

Yang keempatnya pemantauan. Pemantauan dan sokongan moral dari seluruh jentera semakin rancak digerakkan dan sekarang ini kita boleh melihat bapa-

bapa angkat Jabatan angkat di samping ketua kontinjen dan timbalan-timbalan kontinjen turun padang melawat sendiri pusat-pusat latihan yang sedang giat dilakukan oleh para atlet sekalian. Yang kelimanya peralatan sains sukan. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri juga telah membuat pelaburan yang agak besar di dalam pembelian peralatan sains sukan terkini di dalam mengukur dan meningkatkan prestasi serta kemampuan para atlet. Yang keenamnya pelantikan jurulatih ialah usaha untuk memantapkan kontinjen juga pelantikan jurulatih yang berpengalaman dan terbaik juga menjadi kunci utama di dalam mencapai kejayaan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang di-Pertua, *doh napok takdok orang nok tanya, saya tanya ah.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Boleh ehh

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kita hari akhir hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri yang dapat perancangan yang dibuat untuk menaikkan sukan di Negeri Terengganu dan cuma saya nak tahu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, target Kerajaan Negeri untuk nak juara sukan SUKMA pada tahun ini *alhamdulillah*, cuma tadi dimaklumkan juga oleh Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri bahawa kita ada elemen-elemen penyediaan sains sukan di Negeri Terengganu. Itu satu anjakan paradigma yang sepatutnya telah diadakan. Cuma saya nak tahu apakah elemen-elemen sains sukan yang dimaksudkan kepada atlet-atlet SUKMA Terengganu pada tahun ini. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada sahabat saya daripada Telemong. Di antara

peralatan sains sukan yang telah pun dibeli oleh pihak Majlis Sukan Negeri di dalam orang kata mempersiapkan atlet-atlet Terengganu dengan persiapan yang rapi di antaranya adalah peralatan terkini seperti *Wattbike*, *Contrast Bath* dan lain-lain lagi dan ada juga beberapa peralatan yang telah pun kita bersetuju untuk membuat pembelian tetapi ada masalah-masalah yang tertentu yang menyebabkan tidak sampai lagi sehingga sekarang ini tetapi apa yang hendak saya nyatakan adalah komitmen yang bersungguh oleh pihak Kerajaan untuk membuat pelaburan bagi mempersiapkan atlet kita dengan persiapan yang begitu terbaik, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya ada soalan tambahan, beri peluang saya kan? Saya tekan tadi, tapi tak nampak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, sabar sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada persiapan dan *tag line 'Victory Mission'* ni saya yakin bahawa tahun ini kita dapat menjuarai semula untuk kejohanan SUKMA ini dan sedikit maklumlah untuk saya mendapat sedikit sebab saya walaupun ada sahabat-sahabat saya kata *hey orang tua pun tanya soalan orang muda jugok*. Ini semangat sebenarnya, kita hendak beri keyakinan kepada ahli-ahli SUKMA kita dan juga bapa-bapa angkat dan juga jabatan angkat dan pegawai-pegawai supaya mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk kemenangan untuk tahun ini sebab sudah dua tahun kita tidak dapat menyertai dan akhirnya *Alhamdulillah* atas usaha maka tahun ini kita dapat teruskan. Jadi soalan tambahan saya yang pertama ialah adakah atlet-atlet yang membuat latihan dan menyertai apa-apa kejohanan di luar negara dan apakah pencapaiannya sehingga kini? Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih saya ucapkan kepada sahabat saya Yang Berhormat Rantau Abang. Jadi inilah di antara orang kata bukti yang menunjukkan bahawa sukan ini adalah sukan untuk semua dan sokongan yang begitu padu daripada rakyat Terengganu meliputi semua lapisan masyarakat dan semua lapisan usia bukan sahaja budak-budak, orang muda tetapi juga mereka yang berusia ataupun yang berumur. Jadi, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat dan semua rakyat Terengganu yang cukup bersemangat dan memberikan keutamaan yang tinggi kepada sukan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat memang salah satu di antara perkara yang boleh menguatkan lagi pencapaian para atlet kita adalah dengan adanya latihan dan juga penyertaan kejohanan-kejohanan sama ada di dalam dan juga di luar negara dan atlet-atlet SUKMA Terengganu juga tidak terlepas daripada perkara tersebut. Sebagai satu contoh yang pertamanya pasukan berbasikal negeri telah pun menghantar seramai 9 orang atlet ke Belgium selama sebulan bermula 13 April sehinggalah 13 Mei yang lalu bagi menjalani dan menyertai 20 kejohanan tempatan.

Yang keduanya *attachment training* Pasukan Sepak Takraw Terengganu bersama dengan Pasukan Sepak Takraw daripada Thailand bermula 20 Julai sehinggalah 18 Ogos. Yang ketiganya seramai 9 orang atlet Judo negeri telah pun menyertai kejohanan Asian Cadet & Junior Judo Championship 2022 di Indoor Stadium, Bangkok, Thailand pada 18 hingga 21 Julai yang lalu dan yang keempatnya latihan tindik, *insya-Allah* akan dijalankan di Surabaya, Indonesia bersama atlet Judo Kebangsaan Indonesia pada 16 hingga 30 Ogos yang akan datang. Selain daripada itu, 2 atlet Wushu daripada Medan, Indonesia juga dibawa berlatih di Majlis Sukan Negeri di tempat kita ini untuk bersama-sama berlatih dengan atlet Wushu Terengganu bermula pada 12 Mei hingga 5 Jun yang telah lalu dan yang keenamnya latihan tindik diteruskan dengan membawa 2 atlet daripada Aceh pada 7 hingga 21 Jun yang lalu. Mereka telah pun berjaya mencapai pelbagai kejayaan-kejayaan di dalam setiap kejohanan yang mereka sertai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Wakil Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ
سلام سجهترا

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan yang kedua-

Berapakah jumlah kewangan yang telah digunakan untuk Tabung Darul Iman bagi tahun 2020, 2021 dan jangkaan untuk tahun 2022?

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dan seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada sahabat saya daripada Jertih yang menanyakan soalan berapakah jumlah kewangan yang telah digunakan untuk Tabung Darul Iman bagi tahun 2020, 2021 dan jangkaan tahun 2022. Bagi jumlah kewangan yang telah digunakan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM6,897,275.67 yang melibatkan 8,214 orang. Tahun 2021 perbelanjaan melibatkan RM5,771,239.43 melibatkan seramai 7,243 orang dan bagi tahun 2022 sehingga Jun ini perbelanjaan yang sudah dibelanjakan sebanyak RM1,675,016.54 dan melibatkan 1,421 orang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih kepada Wakil Cukai bagi pihak Kerajaan. Cuma melihat daripada angka tadi kita tengok jumlah bajet yang digunakan oleh Kerajaan agak menurun dan sebelum itu saya terima kasihlah kepada Kerajaan kerana masih meneruskan kewujudan Tabung Darul Iman ini kerana dia banyak memberi manfaat. Bukan sahaja kepada pesakit kronik tetapi juga mereka yang menerima musibah, termasuk banjir, termasuk kebakaran, termasuk, kan? Okey dan juga peralatan perubatan. Susu, susu pun harga RM79 se tin dah *lening*. Lampin pakai buang dan banyak dan lain-lain lagilah, termasuk apa nama ini, gigitan binatang liar. Tapi saya tengok masa zaman kita dulu, RM5 juta itu tidak cukup Dato' Yang di-Pertua. Okey, kita tengok bajet tahun lepas, saya rasa bangga kerana daripada tabung telah kita naikkan kepada Yayasan Darul Iman.

Saya jangkakan bajet bertambah tetapi hari ini, kita lihat tahun 2020, RM6.8 juta, 2021 RM5.7 juta dan tahun ini sehingga bulan enam baru RM1 juta lebih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan Yang Berhormat, soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, soalan nya. Adakah program ini diteruskan, tetapi ada syarat-syarat tambahan yang boleh menyukarkan untuk mereka menerima bantuan-bantuan daripada tabung. Okey dan saya jangkakan, ini kalau ikut di akar umbilah, banyak rungutan kerana proses lambat, apa nama ini, tahun dulu dapat, *loning* hidup lagi, tahun ini tak dapat dan sebagainya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila soalnya Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Jadi saya, semalam ada dibangkitkan oleh Wakil Kijal. Wakil Kijal dalam bajet tambahan semalam ada dibangkitkan bahawa dalam lampiran..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Yang Berhormat, kita tumpu soalan asal Yang Berhormat. Biar dulu lah

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Ini berkait dengan soalan ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya nak persilakan Yang Berhormat EXCO untuk menjawab soalan asal. Soal berkait dengan yang dijangka bertambah tapi macam tak bertambah. Saya nak dengar jawapan itu dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey. Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Sila.Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Soalan tambahan saya, boleh ke tidak, dalam muka surat empat, yang dibangkitkan oleh YB Kijal yang dicadangkan untuk bajet tambahan RM5.5 juta

tapi yang disyorkan RM8 juta. Yang lebih *tu*, masuk dalam tabung ataupun Yayasan Darul Iman.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak apa, tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI HANAFIAH BIN MAT (Wakil Cukai): Terima kasih kepada Jertih. Banyak soalan itu. Yang pertamanya setakat ini, Tabung Darul Iman masih lagi berusaha untuk mendaftarkan sebagai Yayasan Tabung Darul Iman. Belum dapat kelulusan lagi dan saya harap dalam masa 3-4 bulan ini kita akan dapat dan sekiranya kalau jadi Yayasan, saya rasa banyaklah kita dapat kumpulkan duit dan duit pun dapat keluar dengan cepat dan mungkin ada lebih ramai lagi orang-orang akan memberi derma. Yang keduanya, kenapa lambat. Kerana lambat ialah Kerajaan Negeri telah menukarkan Sistem Kewangan Negeri ini (I-SPEKS) ataupun Sistem Akruan Kerajaan Negeri menyebabkan semua pembayaran pada tahun ini, dia berlaku lambat. Bukan sahaja kepada tabung, bahkan kepada semua akaun-akaun lain dan saya harap, selepas sistem dah stabil ini, saya harap pembayaran ini akan berlaku dengan lebih cepat lagi.

Soalan yang tanya *sakning* tadi *tu*, hak itu kita akan tengoklah. Jika sekiranya ada tambahan lain, *insya-Allah* kita akan masukkan dalam duit tabung dan soalan kata *bakpe* sikit sangat belanja sampai bulan enam. Saya rasa masih banyak lagi kelulusan yang telah kita lulus. Tetapi menunggu duit keluar daripada kewangan negeri untuk kita buat pembayaran. Baru ini kita dah bayar dah. Cuma satu lagi saranan saya, kalau susah, kalau susah nak dapat, pasal apa tak boleh nak dapat, telefon terus saya. Biar saya tanya, biar saya berurusan dengan tabung. Kenapa orang ini tidak diluluskan dan dia *sakok* dekat mana. Kerana pada saya, saya sangat-sangat telus dengan tabung. Saya tidak mengira warna kulit, apatah lagi ideologi politik, saya tidak kira. Saya harap semua yang berkelayakan, yang cukup syarat, yang mesti ditanggung oleh Kerajaan, Kerajaan kena beri kebajikan kepada mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Wakil Pengkalan Berangan.

YANG BERHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan):

اَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan nombor satu-

Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah bekalan air terawatt bagi Daerah Marang?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan yang bertanya, ingin tahu yang berkaitan dengan permasalahan bekalan air bersih di Daerah Marang dan perancangan kerajaan dari segi jangka pendek dan juga jangka panjang. Untuk makluman kita bersama, kita tahu bahawa bekalan air bersih di Daerah Marang ini agak kritikal dan kerajaan telah mengambil beberapa langkah.

Antara langkah jangka pendek ialah menyediakan tangki-tangki statik di kawasan-kawasan tertentu yang menghadapi masalah air. Keduanya, pihak SATU juga mengubah suai sistem bekalan air atau pun kita panggil catuanlah di waktu malam di kawasan-kawasan tertentu supaya *expect* keesokan harinya, penduduk dapat menggunakan air dengan baiknya dan ketiga nya, baru-baru ini Kerajaan melalui pihak SATU telah memasang satu loji air yang kecil, yang mini di Kampung Kubu dekat dengan Alur Wan Syed untuk mengatasi masalah air di sekitarnya dan itu sebanyak 3 MLD dan seterusnya, baru-baru ini pun Kerajaan melalui SATU telah membina ataupun menyiapkan paip daripada Wakaf Tapai ke Kampung Bukit Parit dan paip ini telah siap dibina sepenuhnya dan untuk jangka masa yang panjang, pihak Kerajaan sekarang ini sedang membina satu laluan ataupun paip daripada Loji Rawatan Air Kepong Dua terus sampailah ke tangki MIEL Marang. Ini dalam proses pembinaan telah dilancarkan kira-kira dua bulan yang lepas. Begitu juga, paip air daripada Tangki MIEL ke Tangki Golang di Daerah Marang dalam pembinaan. Yang keduanya, pihak Kerajaan juga membina satu tangki air di Kepong kita panggil Loji Kepong Satu. Tangki baru ini berkapasiti 1 juta gelen untuk kemudahan

pengguna di kawasan Serada dan sekitarnya, yang selama ini penduduk di situ mengharapkan bekalan air melalui paip dan juga paip dari Kepong ke tangki Belat di Marang. Jadi dengan adanya tangki yang baru ini dia direct sahaja untuk penduduk di kawasan Serada dan persekitaran. Dan ketiganya Kerajaan juga bercadanglah masih dalam kajian awal untuk membina loji baru untuk Daerah Marang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT SULAIMAN BIN SULONG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih di atas penjelasan dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih juga kepada pihak Kerajaan dan pihak SATU di atas usaha-usaha jangka pendek untuk menyelesaikan masalah air di Daerah Marang. Antaranya ialah menggantikan paip AC 8 inci di Wakaf Tapai ke Bukit Parit dan juga cadangan untuk membina perpaipan 900 mm daripada Loji Air Kepong II ke Tangki MIEL dan juga Tangki Gondang, *insya-Allah* dapat menyelesaikan.

Jadi soalan saya kalau tanya adakah ini maknanya memang Kerajaan akan jawab *yalah* tapi, saya nak tanya bila kalau boleh jawapan yang *butir* sikit ialah bila mana dinaikkan ataupun disalurkan air daripada Loji Rawatan Air Kepong ke dua tangki yang yang Tangki MIEL ini membekalkan air ke Marang dan juga kawasan-kawasan sekitar Seberang Marang sehingga ke Pasir Putih. Isunya ialah paip di sekitar jambatan bermula daripada Jambatan Marang sehingga ke Jambatan Gong Balai masih lagi paip AC 8 inci paip lama yang isunya kita bimbang berlaku sebagaimana berlaku di peringkat Wakaf Tapai ke Bukit Parit apabila ditingkatkan tekanan air, paip-paip air ini akan pecah jadi saya nak tanya pihak kerajaan untuk bila kerajaan bercadang untuk menggantikan paip AC 8 inci di DUN Rhu Rendang dan DUN Pengkalan Berangan khususnya daripada Jambatan Marang ke Jambatan Pasir Putih. Sekian

والله أعلم

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih, kita memanglah secara umumnya keseluruhan di Negeri Terengganu kita ini masih banyak paip-paip AC ataupun *asbestos cement* yang mudah mereput apabila *expired*. Khususnya di Daerah Marang ini pun begitu juga banyak lagi paip-paip kita dan kalau kita tengok pukol rata secara keseluruhannya kita perlu ratusan juta untuk menggantikan paip-paip tersebut.

Berkaitan dengan daripada Jambatan Marang ke Gong Balai ini masih lagi menggunakan paip AC 8 inci dan ada rancangan hendak ditukar kepada paip 12 inci *multilayer* yang lebih tahan. Kita tahu bahawa jajaran tersebut dalam FT3 sejarak dalam 20 kilometer, jadi kalau keadaan sekarang paip 12 inci ni lebih kurang sejuta satu kilometer. Jadi kita perlu dalam RM20 juta lebih untuk menggantikan paip dan khususnya daripada Jambatan Marang ke Gong Balai dan pihak SATU ini dia menyediakan ataupun ada data-data berkaitan dengan paip pecah. *So*, yang ini pun perlu dilihat yang manakah paip yang terlampau kerap pecah kawasan mana dan keduanya Pihak SATU juga ada membuat *forecast* unjuran pada tahun sekian-sekian berapa keperluan air di tempat-tempat tertentu. Jadi yang bergantungnya, bergantung kepada kos dan juga kewangan yang sedia ada. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat saya jemput...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang di-Pertua, masalah air saya nak mintak saya se...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Soalan asalnya ialah kepada kawasan Marang, Yang Berhormat nak tanya Marang, Marang. Tak, tak soalan asalnya Marang...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya nak tanya Pulau Redang...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tidak boleh sebab kita nak kena raikan orang kita ramai lagi nak tanya ni. Kita hari yang akhir *doh* ni Yang Berhormat...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Betul *doh* hari akhir...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Takpe...

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Inilah peluangnya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Betul, sekarang ini dari segi soalan kita rujuk...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya faham...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Kalau setakat Yang terhormat nak tanya soalan asal di Marang okey, tapi kalau melibatkan kawasan lain dia dah menjadi soalan lain dah...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Main *gitu* pulok

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Okey saya jemput wakil, sekarang ini saya jemput Yang terhormat sekarang ini. Soalan daripada Yang terhormat sendiri, sila. Soalan barulah, sila...

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Terima kasih...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ke *tak mboh doh?*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang terhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor satu.

Saya mendapat maklum bahawa Kerajaan Negeri Terengganu melalui Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) mengorak Langkah membuka peluang kepada anak-anak Negeri Terengganu lepasan SPM dan STPM yang berminat menyambung pengajian ke Algeria. Universiti yang menjadi pilihan adalah Universiti Amer Abdul Qader di Constantine dan Universiti Algiers dalam pengkhususan Pengajian Islam. Justeru itu, saya ingin tahu perkembangan lanjut mengenai program ini?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat soalan Batu Rakit ingin mendapat penjelasan perkembangan lanjut mengenai Kerajaan Negeri melalui JPINT yang mengorak langkah membuka peluang kepada anak-anak Negeri Terengganu lepasan SPM dan juga STPM yang berminat menyambung pengajian ke Algeria. Universiti yang menjadi pilihan adalah Universiti Amer Abdul Qader di Constantine dan juga Universiti Algiers dalam pengkhususan pengajian Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum apabila berlaku krisis politik di Timur Tengah banyak negara-negara yang menjadi pusat pengajian kepada pelajar-pelajar kita seperti di Yaman, Syria, Libya dan sebagainya ditutup dan pelajar-pelajar kita semakin hari semakin ramai yang mempunyai kelulusan cemerlang dalam pendidikan peringkat SPM, STAM dan sebagainya yang mereka ini berhasrat untuk menyambung pengajian ke negara khususnya yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan yang sedia ada adalah di Mesir, di Jordan mahupun di Maghribi dan sedia maklum di Maghribi sendiri ada kuota dia. Hanya 15 orang sahaja untuk seluruh negara setiap tahun. Jadi kita cuba meneroka ruang-ruang baharu dan *alhamdulillah* hasil kunjungan hormat kita ke Duta Algeria di Malaysia beberapa kali dan hubungan kita dengan Kementerian Pengajian Tinggi Algeria lalu pihak Kerajaan Algeria telah menawarkan lima tempat untuk pelajar Terengganu bagi mengikuti pengajian Islam di Universiti Constantine, Universiti Amer Abdul Qader dan hasil lawatan kita dan kunjung hormat kita ke Kementerian Pendidikan, Pengajian Tinggi Algeria, pihak Kementerian Pengajian Tinggi Algeria telah menambah lima lagi tempat kepada pelajar Terengganu. Jadi sekarang ini *insya-Allah* pelajar-pelajar kita mendapat tempat sepuluh, lima di Constantine dan juga lima di pusat atau ibu negeri dia di Algiers. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):
Terima kasih atas penjelasan itu. Soalan tambahan saya adakah kursus dari universiti berkenaan mendapat pengiktirafan dari JPA? Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang
berhormat Dato' Yang di-Pertua, semua kursus-kursus tersebut merupakan di

bawah Kementerian Pengajian Tinggi Algeria. Tidak ada universiti swasta di Algeria ini semua merupakan milik kerajaan dan mendapat pengiktirafan Kerajaan. Jadi kita telah membuat hubungan dengan pihak KPT kita dan ada dua kaedah dalam pengiktirafan MQA sama ada pelajar yang telah selesai mendapat pengajian di mana-mana universiti, dia mohon untuk mendapat pengiktirafan dan juga daripada penaja, kerana yang menjadi penaja kepada pelajar-pelajar Yayasan Terengganu dan Yayasan Terengganu telah membuat perhubungan dalam proses pengiktirafan MQA dan untuk makluman semua pengajian pendidikan kepada sepuluh pelajar ini dan juga pelajar-pelajar akan datang adalah percuma yang ditanggung oleh pihak Kerajaan Algeria, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: *Tak dok doh?*

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Maksudnya telah dapat atau pun sedang mohon?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sekarang ini pelajar kita baru sedang proses untuk kemasukan bulan September ini. Jadi untuk proses pengiktirafan itu kita serentak dia buat serentak dan mendapat nasihat daripada Kementerian Pengajian Tinggi kita sendiri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat sekarang saya jemput Wakil Bandar.

YANG BERHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Yang terhormat Dato' yang di-Pertua soalan saya mewakili Bandar soalan nombor satu-

Melihat kepada banyak kesan-kesan sejarah yang berkait dengan perkembangan Islam di Terengganu, apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk mempromosikan pelancongan ke destinasi bersejarah ini?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang terhormat Dato' yang di-Pertua soalnya berbunyi melihat kepada banyak kesan-kesan sejarah yang berkait dengan perkembangan Islam di

Terengganu, apakah pihak Kerajaan mempunyai perancangan untuk mempromosi pelancongan ke destinasi bersejarah ini? Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Muzium Negeri Terengganu dan TSIS dalam proses dan kajian bagi mewujudkan *Ulama' Trail* dengan mengenal pasti laluan dan kesan-kesan sejarah yang membawa kepada perkembangan Islam di Negeri Terengganu dan juga Kerajaan Negeri membentuk Manuskrip *Ulama' Trail* secara digital ini dalam proses kita akan buat perkara ini, secara digital manuskrip Ulama' Terengganu dan menarik pelbagai golongan untuk lebih mengenali dan menghargai peranan ulama' di negeri ini. Di antara objektif pendigitalan Manuskrip Ulama' Terengganu menjadikan Negeri Terengganu sebagai sumber rujukan digital berkaitan ulama' dan manuskrip, memelihara manuskrip-manuskrip lama yang ada di Terengganu, membina manuskrip berasaskan digital, aplikasi ini akan dibangunkan melalui penerapan elemen multimedia untuk menyampaikan informasi dalam dunia maya. Setakat masa ini, proses awalan program ini *insya-Allah* kita akan mulakan dengan menjejaki maklumat berkenaan Tok Ku Pulau Manis untuk divisualisasikan dalam bentuk digital. Sekian.

YANG BERTHORMAT HAJI MALIAMAN BIN KASSIM (Wakil Ajil): Apakah ada perancangan daripada pihak Kerajaan untuk menaikkan imej tokoh-tokoh sejarah kita seperti Abdul Rahman Limbong contohnya, sebab kalau kita tengok kepada silibus dahulu Abdul Rahman Limbong ini dianggap sebagai pemberontak, jadi adakah ada usaha daripada pihak Kerajaan untuk dalam bentuk contoh filem Mat Kilau ataupun apa-apa diskusi untuk menaikkan imej tokoh-tokoh sejarah kita supaya generasi muda celik sejarah yang betul, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang di-Pertua sebagaimana yang saya maklumkan tadi, *Ulama' Trail* adalah macam mana kita nak membawa pelancong-pelancong untuk melihat kesan-kesan sejarah yang lampau khususnya ulama'-ulama' yang sememangnya ramai dan terkenal di zaman dahulu, umpamanya kita akan pergi ke Makam Tok Pelam, Makam Tok Ku Paloh, Tok Ku Pulau Manis, Masjid Hiliran, Kota Duyung, Makam Tok Gajah yang ada di Hulu Terengganu sendiri dan juga memorial Batu Bersurat yang sangat penting bagi Negeri Terengganu dan *insya-Allah* perkara yang diajukan tadi kita akan usahakan kerana untuk menerbitkan satu-satu filem sejarah memerlukan belanja yang besar jadi perkara ini, kita boleh panjangkan nanti, *insya-Allah* dan sebenarnya sudah ada produser-produser

yang bertemu dengan kita untuk membuat filem sebenarnya, tetapi memandangkan kos yang besar sehingga hari ini masih belum dapat dilaksanakan lagi, dan kita memang terkenal dengan Haji Abdul Rahman Limbong juga sebagai salah seorang ulama' yang sememangnya kalau dilihat dari satu-satu segi beliau sebagai penderhaka sebenarnya beliau adalah pejuang untuk mempertahankan masyarakat, mempertahankan dalam sistem pencukaaian dan seumpamanya pada masa itu dan sebagai satu lambang kebangkitan ulama' pada masa itu, *insya-Allah* sebenarnya ramai lagi ulama'-ulama' yang akan kita ketengahkan dan pihak khususnya Pelancongan Negeri akan memulakan *Ulama' Trail* kita *insya-Allah* dan untuk memberikan kesedaran kepada rakyat sama ada Rakyat Negeri Terengganu dan juga pelancong bahawa kita mempunyai sejarah khususnya ulama' dan juga pejuang-pejuang yang hebat pada masa dahulu. Sekian,

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih, sila.

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, saya nak mengemukakan apa ini pertanyaan kepada EXCO sebab sebelum ini kerajaan, sebelum Kerajaan Negeri ada bercadang untuk melaksanakan Program Menyusur Sungai Jejak Ulama' berasaskan *Ulama' Trail* iaitu asasnya daripada Masjid Putih, Istana Maziah membawa kepada Makam Tok Ku Paloh, Makam Tok Ku Pulau Manis dan juga ke Duyong untuk melihat dari segi sejarah Syeikh Duyong Kecil, dan pergi kepada Seberang Takir, kerana itu kerajaan yang terdahulu kita bina Masjid Seberang Takir ini asasnya untuk buat *Ulama' Trail* berasas apa yang saya sebut tadi, jadi ada atau tidak cadangan Kerajaan Negeri untuk meneruskan cadangan ini atau merealisasikan cadangan ini supaya akhirnya kita akan dapat melaksanakan sepertimana perancangan yang disebut oleh Yang Berhormat EXCO tadi, terima kasih Dato Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Seberang Takir, tadi saya telah sebut bahawa kita

akan mengadakan *Ulama' Trail* dan kita akan buat kajian, dengan kerjasama pihak muzium dan juga TSIS bukan sahaja di sekitar Kuala Terengganu, tetapi umpamanya di Hulu Terengganu sebenarnya sebagai asas kepada ibu negeri pertama perkembangan dari segi ketamadunan kitalah, maksudnya ibu negeri yang pertama di sana dan di sana juga sebenarnya di sebelah hulu, Mat Kilau sendiri sampai ke Bukit Besi dan ada *trail* dia, dan *insya-Allah* kita akan membangunkan saya telah berjumpa dengan rakan-rakan daripada Pahang untuk berbincang untuk mengadakan *trail* Mat Kilau dan lain-lain lagilah, *insya-Allah* kita akan kembangkan.

والله أعلم

YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN (Wakil Seberang Takir): Dato' Yang di-Pertua, saya rasa, baik kita boleh laksanakan benda dah ada dah, saya takut kajian demi kajian dibuat, bertahun makan masa, akhirnya benda itu tidak menjadi. Dengan adanya fasiliti dan kemudahan dengan adanya *Drawbridge*, dengan adanya bot untuk menyusur sungai jadi apa salahnya kalau kita buat dulu benda yang kecil dahulu, jadi dengan apa ini dengan Makam Tok Ku Paloh, Makam Tok Ku Pulau Manis dan akhirnya nanti akan memperkasakan tentang Pasar Payang kita. Aspek ini adalah aspek pelancongan yang saya nampak dia punya sekitar itu adalah sekitar yang amat baik sekali lah untuk kita melaksanakan program Jejak Ulama ini, terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, saya respon sedikit Yang Berhormat, Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kita bukan sekadar kajian kita telah melaksanakan misalnya Tok Ku Pulau Manis, kita telah menubuhkan Pusat Pelancongan di Pengkalan Warisan istilah orang Terengganu *Kalang Warisan* bila dia orang sampai sana dan ramai sebenarnya pergi ke Kubur Tok Ku Pulau Manis yang telah diindahkannya sekarang ini, jadi itu sebagai contoh dan *insya-Allah* akan menyusul yang lainlah. Sebenarnya sekarang ini pun sudah ada pihak-pihak yang berkenaan pelancong, mereka telah melawat sama ada makam-makam, Masjid Tok Ku Paloh, Pulau Duyong sebenarnya sudah ada pelancong-pelancong sudah pergi ke tempat tersebut. Cuma apa yang kita buat misalnya manuskrip *Ulama' Trail* di Tok Ku Pulau Manis kita akan buat secara digital maksudnya kita menambahbaik lagi dan juga termasuk tempat-tempat yang lain bukan sahaja kita buat kajian tetapi perkara ini sudah mendapat sambutan di pihak pelancong, sekian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat, sebelum saya jemput Wakil Langkap saya ingin menyampaikan salam, السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ daripada tiga orang Ahli Berhormat yang tidak dapat hadir dalam persidangan kerana berada di Tanah Suci mengerjakan haji iaitu daripada ADUN Bandar, ADUN Kemasik dan juga EXCO, ADUN Bukit Payung sekarang saya persilakan ADUN Langkap untuk kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua-

Berapakah jumlah pekerjaan di dalam Negeri Terengganu yang telah Kerajaan sediakan kepada rakyat Negeri Terengganu sehingga kini?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' daripada Langkap bertanya berkenaan dengan berapakah jumlah pekerjaan di dalam Negeri Terengganu, yang telah Kerajaan sediakan kepada rakyat Terengganu sehingga kini.

Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri telah berjaya menempatkan pekerjaan di dalam kepada rakyat Negeri Terengganu daripada tahun 2018 sehingga Mei 2022. Perinciannya adalah seperti berikut:

TAHUN	PENEMPATAN
2018	1,281
2019	1,603
2020	2,905
2021	8,551

2022 (hingga Mei)	971
JUMLAH	15,311

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apakah sektor utama yang membuka peluang pekerjaan kepada penduduk ataupun rakyat Negeri Terengganu buat masa kini?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD NURKHUZAINI BIN AB. RAHMAN (Wakil Kota Putera): Terima kasih kepada Dato' DUN Langkap. Sektor yang menjadi tumpuan sekarang ini dan juga banyak sektor-sektor yang menawarkan perkhidmatan kekosongan pekerjaan adalah dalam sektor pembuatan dan juga F&B. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Air Putih.

YANG BERTHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya No. 1 –

Fokus utama Kerajaan dalam pembangunan pertanian memandangkan dasar di peringkat Persekutuan untuk mengembalikan negara kita sebagai negara pertanian?

YANG BERTHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, soalan yang berkaitan dengan agenda "Food Security" Negeri ini disentuh juga oleh Seberang Takir, Jertih, Pengkalan Berangan, Bandar di samping Air Putih. Jadi saya rangkum secara umum kesemua soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Yang di-Pertua, ketika ketiadaan makanan, mereka yang mempunyai makanan ialah orang kaya dan bukannya orang yang mempunyai emas ataupun perak. Mengembalikan hala tuju Negeri dan Negara ke arah pertanian bukanlah

suatu langkah ke belakang, tetapi ia adalah satu langkah yang sangat tepat. Sebelum ini kita terlalu *ambitious* untuk menjadi sebuah negara industri. Akhirnya kita sedar bahawa kita tak makan besi dan kita tak makan skru, yang kita makan ialah makanan. Adalah suatu kesilapan besar andai negara kita *nak* bergantung kepada sumber makanan yang diimport untuk nak menyuap mulut rakyat kita. Belum terlalu terlambat sebenarnya untuk diperbetulkan halatujua negara ke landasan yang betul. *Better late than never*, dengan izin.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum daripada krisis makanan dunia timbul, ekoran daripada pandemik COVID-19 dan peperangan Ukraine, Kerajaan Negeri telah melangkah ke hadapan, menyusun dan melaksanakan "Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023" dengan suatu objektif besar untuk menjadikan Negeri Terengganu sebagai sebuah negeri pengeluar makanan. Kiranya kita telah bersedia dengan payung sebelum daripada hujan turun. Kerajaan Persekutuan melancarkan "Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025". Dua tahun sebelum daripada itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan "Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023". Daripada tujuh inisiatif-inisiatif utama yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan supaya dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi memperkasakan sekuriti makanan negara, Terengganu sebenarnya telah terlebih dahulu melaksanakan lebih 80% daripadanya. Kita tak kata Kerajaan Pusat tiru Terengganu, tetapi itulah faktanya. Di antaranya berkaitan dengan penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan, Pewartaan Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 62 KTN sebagai tanah yang digunakan untuk tujuan pertanian, pengekalan pengezonan kawasan padi, memajukan taman kekal pengeluaran makanan, pewartaan ZIA (*Zone Industry Aquaculture*) dan juga pembangunan tanah terbiar. Inilah fokus-fokus yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri yang semuanya sebenarnya telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Sebagai *vehicle* untuk pelaksanaan Pelan Strategik Pertanian Terengganu, Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Jaminan Bekalan Makanan Negeri Terengganu yang dianggotai oleh Kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan di bawah MAFI Negeri Terengganu dan juga GLC Negeri di antaranya TADC, TDM dan Ladang Rakyat Terengganu. TDM dan Ladang Rakyat yang sebelum ini menjadikan sektor perladangan sawit sebagai *core business*, sekarang turut sama berganding bahu menceburi sektor penternakan lembu, penternakan ayam, penanaman kelapa, nenas, cili dan juga penghasilan baja kompos.

Dato' Yang di-Pertua, di bawah Pelan Strategik Pertanian Terengganu juga kita gerakkan program bersaiz mega yang dinamakan Program Gedung Pengeluaran Makanan Terengganu yang diwujudkan bertanggungjawab untuk melaksanakan 18 projek pertanian, penternakan dan juga perikanan bernilai lebih daripada RM716 juta dengan lima strategi utama.

Yang pertama kita nak bangunkan tanah terbiar. Yang kedua kita nak bangunkan Tanah Rezab Seksyen 62 yang diwartakan bagi tujuan pertanian. Yang ketiga untuk menaik taraf infrastruktur pertanian. Yang keempat bagi mengendalikan program-program latihan dan kemahiran dan akhirnya kita nak menjalinkan hubungan strategik bersama dengan agensi pemborong dan pemasaran.

Isu tanah terbiar ini di antara halangan utama yang merencatkan usaha penghasilan makanan negeri kita tangani dengan penubuhan Jawatankuasa *Task Force* Pembangunan Tanah Terbiar. Setelah semua *database* kita kemaskini, faktor dan isu-isu mengapa tanah tersebut terbiar kita telah kenalpasti, *business plan* kita telah rancang dengan baik dan akhirnya kita mulakan *pilot project* pembangunan tanah terbiar di RTB Pengkalan Aman di Permaisuri dan juga RTB Kampung Rahmat di Langkap dengan tanaman Musang King dan juga Mempelam Harum Manis. Ringkasnya, agenda *food security* Negeri Terengganu kita bukan hanya fokus kepada satu *angle* sahaja tetapi kita mengambil kira semua rantai nilai yang berkaitan dalam menghasilkan *food security* Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AB. RAZAK BIN IBRAHIM (Wakil Air Putih): Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, mohon Yang Berhormat dapat nyatakan secara ringkas indikator keberhasilan dari pelaksanaan program-program yang dinyatakan tersebut tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DR. AZMAN BIN IBRAHIM (Wakil Jabi): Dato' Yang di-Pertua, secara ringkasnya yang pertama tentu sekali fokus kita kepada sektor makanan ruji, padi beras negeri dan negara. Pelbagai program telah kita buat untuk nak meningkatkan kadar SSL penghasilan beras negara dengan penyelenggaraan sistem pengairan dan saliran, mempertingkatkan kesuburan tanah, pelbagai infrastruktur kita selenggara walaupun dengan bajet yang agak terhad, dan *alhamdulillah* hasilnya telah dibuktikan melalui data. Saya bentangkan kepada Dewan dari segi penghasilan padi beras untuk Negeri

Terengganu, *self-sufficient level* (kadar cukup untuk sara diri) tahun 2018, kita berada pada paras 43%. 2019, *alhamdulillah* naik kepada 48%. 2020, naik sikit lagi kepada 53% dan tahun lepas sempena dengan Tahun Pertanian Terengganu, kita berjaya naikkan kepada 55.6%. Sikit untuk nak mencapai target yang kita sasarkan sebanyak 56%.

Pendaratan ikan marin yang menerima impak langsung daripada program tukun dan unjang, daripada tahun 2018 sehingga tahun 2021 kita telah labuhkan sebanyak 122 unit tukun tiruan di 10 lokasi. Tukun tiruan dalam bentuk tukun konkrit yang berat setiap unitnya mencecah kira-kira 17 tan, dan kita gunakan konkrit gred 35, gred yang sama dengan gred konkrit untuk buat *retok* sebab kita mengharapkan tukun ini mampu bertahan di dasar laut dalam tempoh sekitar 50 tahun. Dari segi pendaratan ikan, saya buat bandingan di antara tahun 2021 dengan tahun 2022 data daripada bulan Januari hingga bulan April sahaja. Pendaratan untuk tahun 2021, 8,156.29 metrik tan berbanding dengan 9,815.92 metrik tan bagi 4 bulan pertama bagi tahun 2022 dengan peningkatan sekitar 20%. Kalau kita perhati, bagaimana bot nelayan yang balik *kalang* dalam keadaan *nyemban luan*, makna *hok* depan dia *tumuh lah* depan kerana beratnya ikan hasil daripada tangkapan. Kita sebagai hamba hanya mampu berusaha, Allah sebagai Tuhan yang Maha Pemberi Rezeki.

Dari segi ternakan lembu pedaging, pada tahun 2020, seramai 85,437 ekor yang didaftarkan di Negeri Terengganu berbanding dengan 79,167 ekor untuk tahun 2019. Aset SL ayam kita berada pada paras 64% dan aset SL untuk kelapa *nyior* kita juga berada pada paras 64%. Inilah sedikit daripada indikator pencapaian daripada yang kita usahakan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Wakil Kuala Besut.

YANG BERTHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor satu-

Apakah perancangan untuk membaiki hakisan pantai di Kampung Pachakan dan Kampung Teluk Bayu, Kuala Besut?

YANG BERHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut. Kuala Besut tanya, Kuala Berang jawab cuma Kuala Besut ada pantai, Kuala Berang tiada pantai. Maka soalan hari ini berkaitan dengan pantai. Kita tahu Kampung Pachakan dan juga Teluk Bayu ini, kalau kita tengok *google* lebih kurang 2 kilometer di utara Kuala Sungai Besut. Jadi, kita tahu juga bahawa di Muara Sungai Besut ini ada satu projek di bawah JPS Federal dipanggil Projek Pemuliharaan Kuala Besut dan Muara Sungai Besut. Kos dia dalam RM225 juta telah dimulakan kerja-kerja pada tahun 2016 tetapi projek ini telah ditamatkan kerana ada beberapa permasalahan dan kita jangka akan dilaksanakan semula pada tahun hadapan. Kita tahu bahawa projek tersebut apabila dimulakan, dia buat memasang batu-batu dan sebagainya bermula pada tahun 2017, 2018 dan kerja-kerja tersebut tergendala yang menyebabkan hakisan yang teruk akhir-akhir ini. Tahun 2019, tahun 2020 dan 2021 kita lihat bahawa sehingga ke jalan-jalan pun terkena, terlibat di dalam hakisan. Jadi kita tahu bahawa projek ini antaranya ialah skop dia iaitu membuat *Beach Nourishment* sehingga dua kilometer ke utara daripada projek tersebut dan ini sudah tentu termasuklah kawasan Yang Berhormat tadi iaitu di kawasan Kampung Pachakan dan juga Teluk Bay, jadi *insya-Allah* apabila projek ini siap Yang Berhormat Kuala Besut saya ingat tidak ada lagi masalah berkaitan dengan hakisan, *insya-Allah*.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Exco di atas penjelasan *sakning* itu. Yang disebut oleh pihak Kerajaan tadi bahawa *Beach Nourishment* itu akan dibuat kerana ia merupakan komponen dalam projek tersebut cuma kita semua sedia maklum dalam perancangan dan juga pelaksanaan di peringkat Kerajaan ataupun di peringkat jabatan kita ada jangka panjang, jangka sederhana dan juga jangka pendek ataupun serta merta dan di kawasan hakisan yang berlaku yang seperti saya nyatakan dalam soalan ini merupakan kira-kira dalam hampir 600 meter sahaja, bermula daripada sempadan negeri sampai ke Kampung Teluk Bayu termasuklah Kampung Pachakan dan dalam kawasan rezab pantai itu dia ada jalan yang mana merupakan jalan penghubung dan juga jalan pintu masuk penduduk-penduduk ataupun daripada Kelantan nak masuk ke Terengganu

melalui jalan pantai dan satu ketika menjadi tarikan di situ kerana ramai pengunjung-pengunjung mari ke Dataran Pachakan untuk beriadah dan sebagainya. Jadi jalan itu juga mengalami kerosakan jadi mohon supaya pihak kerajaan mengambil tindakan segera membaik pulih jalan tersebut kerana ia saja bukan saja memberi imej yang tidak molek kepada kerajaan Negeri Terengganu kerana dia merupakan pintu masuk dan tapi lagi satu merupakan satu perkara yang agak bahaya kerana boleh mengundang kemalangan yang lebih teruk lagi kalau kita tak *repair*, tak baiki jalan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua.

YANG BERTHORMAT DR. MAMAD BIN PUTEH (Wakil Kuala Berang): Terima kasih atas cadangan yang tersebut. Kita akan ambil kira cumanya kita kena tengok dari segi hakisan tersebut. Apabila sebut hakisan kalau kita buat jalan pun sudah tentu kalau jalan tersebut umur dia tak panjanglah kerana dia akan terhakis jadi nak tak nak kita kena baiki dan baikinya iaitu kita kena ork sekejap pasal beach nourishment ini termasuk dia dalam skop kerja dia dan *insya-Allah* apabila siap saya rasa Yang Berhormat lena tidurlah. Tidak lagi berlaku hakisan apapun pandangan kita akan ambil tindakan. *insya-Allah*.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Hakisan di Batu Rakit boleh dok saya masuk? tak leh

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak boleh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat nak tanya lain kali buat soalan sendiri jangan tumpang orang sangat

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dok masalahnya soalan boleh se je. Hok maren saya ada dokleh pon.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Akan dijawab secara bertulis. Makna soalan selesai tak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Batu Rakit negeri Terengganu jugok. Masalah air masalah negeri betullah tanya Marang sampai dokleh nok celah ni lagu mana

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Faham faham. Bukan dokleh celoh, saya kata macam tadi juga. Yang Berhormat dengar saya kata dulu dari segi amalan di mana-mana pun kita boleh buat pencilahan tapi ambil tajuk asal dia itu

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Macam dok bertolak ansur Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jadi atas budi bicara itu Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua jadi macam nok kerat saya je

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Itu amalannya. Dok saya sayang Yang Berhormat

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Doh kalau sayang beri lah

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Saya sayang sebab itu saya bagi masa tapi kadang-kadang tertentu saya kawal

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua molek hantar Algeria Batu Rakit ini belajar free doh

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA:[ketawa]....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Doh bakpe jadi gitu pulok. Macam nok baloh je

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Tak pe Yang Berhormat kita hari ini hari akhir bersidang jadi saya nak bagi peluang yang terakhir Yang Berhormat peluang terakhir kepada adinda kita ini satu satunya ADUN Wanita ini. Kalau kita tak beri *berasa sok* sangat kita sebelum habis sidang ini. Jadi saya jemput Wakil ataupun ADUN Wanita untuk mengemukakan soalan, sila.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita):

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor dua –

Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mendidik atlet dalam pematuhan syariah dalam aktiviti bersukan?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat ADUN Wanita dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat ADUN Wanita yang bertanyakan tentang apakah usaha Kerajaan Negeri di dalam mendidik atlet dalam pematuhan syariah dalam aktiviti bersukan. Seperti mana yang telah pun Kerajaan Negeri tegaskan berkali-kali sebelum daripada ini apabila kita mengambil alih tampuk pemerintahan pada 2018 maka kita telah pun diminta untuk memastikan usaha-usaha bagi menyelaraskan semua aktiviti dan juga program-program di bawah semua portfolio ke arah islam yang menjadi perjuangan kepada parti yang memerintah Negeri Terengganu pada hari ini dan bagi mendidik dan memberikan orang kata, pendidikan kepada atlet kita dalam aspek pematuhan syariah dalam aktiviti bersukan, Kerajaan Negeri telah pun melakukan pelbagai usaha di antaranya yang pertama pihak Kerajaan telah pun meluluskan penubuhan satu Unit Islam dan Kerohanian di Majlis Sukan Negeri Terengganu yang saya difahamkan oleh pihak Majlis Sukan Negeri merupakan satu-satunya negeri yang mewujudkan unit yang seumpama itu.

Di antara fungsi penubuhan unit ini adalah bertanggungjawab untuk menguruskan program keagamaan kepada pegawai dan kakitangan serta atlet Majlis Sukan Negeri. Yang keduanya merancang dan melaksanakan program keagamaan yang bersesuaian kepada jurulatih dan atlet serta pengurusan persatuan sukan negeri. Yang ketiganya menyelaraskan dan melaksanakan program-program kerohanian termasuk kem, seminar, bengkel kepada atlet SUKMA untuk pengukuhan jati diri. Yang keempatnya, menyelaraskan program-program keagamaan kepada atlet yang menginap di asrama Majlis Sukan Negeri Terengganu dan untuk itu unit ini telah pun diketuai oleh seorang kakitangan pegawai yang mempunyai pengalaman bukan sahaja dalam bidang agama tetapi juga dalam bidang motivasi dan konsultan. Selain daripada itu juga Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Terengganu juga telah mengadakan kolaborasi bersama-sama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin

(UNISZA) di dalam membuat rekaan pakaian sukan patuh syariah. Kolaborasi ini melibatkan pakar-pakar bidang syariah, sains sukan dan juga sains sukan daripada pihak UNISZA, *insya-Allah* kita mengharapkan jawatankuasa yang telah pun diwujudkan ini akan dapat membuahkan hasil dalam sikit masa lagi, *insya-Allah*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Soalan tambahan saya yang pertama, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, okey apabila kita lihat senarai Ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu, turut dipilih ialah Sahibus Samahah Dato' Mufti dan saya ucapkan tahniah di atas pelantikan tersebut. Jadi soalan saya apakah harapan sebenarnya ataupun lebih jelas lagi apakah fungsi dan peranan Dato' Mufti sebagai Ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat ADUN Wanita, untuk makluman Dewan juga bahawa apabila kita melantik Ahli-ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu saya telah pun membuat beberapa pengkhususan kepada keahlian di dalam Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Terengganu di antaranya adalah pelantikan Wakil daripada Portfolio Pelaksanaan Syariah iaitulah Yang Berhormat daripada Ajil yang juga menganggotai Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri atas sifat beliau sebagai Timbalan Pengerusi Pelaksanaan Syariah untuk memberikan nasihat dan apa-apa pandangan berkaitan dengan dasar-dasar yang telah pun ditetapkan oleh Kerajaan Negeri daripada aspek pelaksanaan syariah.

Yang keduanya termasuklah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat ADUN Wanita tadi iaitulah Sahibus Samahah Dato' Mufti yang juga turut dilantik sebagai menganggotai Ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri di atas sifat beliau sebagai seorang yang mempunyai *authority* dalam bahagian agama yang paling tinggi di dalam Negeri Terengganu kita ini, maka beliau diperlukan juga untuk kita membuat rujukan dan juga untuk kita memberikan sebarang pertanyaan dan sekiranya berlaku sebarang kekhilafan dan sehari dua ini juga ada beberapa isu yang berkaitan dengan sukan-sukan yang tertentu dan saya telah pun membuat satu tarikh untuk berjumpa dengan Sahibus Samahah Dato' Mufti untuk kita mendapatkan pandangan tentang apa-apa juga isu berkaitan dengan sukan daripada aspek syariah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJAH ZURAIDA BINTI MD. NOOR (Wakil Wanita): Saya mohon izin untuk soalan terakhir, okey apakah konsep yang Kerajaan ingin tekankan kepada atlet kita dalam isu syariah ini dan adakah Kerajaan bercadang ingin menguatkuasakan peraturan pemakaian patuh syariah ini secara menyeluruh? Terima kasih.

YANG BERHORMAT WAN SUKAIRI BIN WAN ABDULLAH (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Wanita. Apa yang kita ingin lakukan kepada para atlet kita, kita menggunakan konsep pendidikan dan juga menggunakan konsep memberikan kesedaran dan juga pendidikan. Kedua-dua konsep ini kita gunakan adalah kerana kita ingin perubahan yang berlaku kepada atlet itu adalah merupakan sesuatu perubahan yang boleh bertahan lama yang tidak hanya perubahan di atas dasar penguatkuasaan semata-mata. Ya, kita boleh melakukan penguatkuasaan dengan peraturan-peraturan yang tertentu tetapi atlet-atlet Terengganu seperti yang kita tahu adalah merupakan atlet-atlet yang menjadi rebutan daripada negeri-negeri yang lain, bahasa mudah *gok* dambaan daripada negeri-negeri yang lain dan apabila berlakunya isu-isu yang seperti ini mereka mungkin boleh berpindah ke negeri-negeri yang lain dan mengakibatkan bukan sahaja kita kehilangan atlet tetapi kita juga akan kehilangan peluang untuk memberikan pendidikan, tarbiah dan sebagainya kepada mereka. Justeru kita tidak orang kata melakukan satu perubahan yang drastik sebaliknya kita menganjurkan perubahan secara pendidikan dan juga peringatan dan sebagainya dengan adanya unit yang diketuai oleh seorang pegawai yang berpengalaman ini, *insya-Allah* kita yakin kita akan dapat melakukan sesuatu yang cukup positif di dalam sukan negeri kita daripada aspek syariah.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat adakah kita akan menguatkuasakan peraturan pemakaian secara keseluruhannya? Ya itulah harapan dan juga hasrat kita, pun begitu kita tidak akan melakukannya seperti yang saya nyatakan tadi secara drastik. Kita akan melakukan secara perlahan-lahan dan kerana itulah jawatankuasa yang kita wujudkan kolaborasi di antara Majlis Sukan Negeri dan juga UniSZA telah pun diberikan amanah untuk merekacipta dan membawa kepada kita satu pakaian yang mesra syariah yang satu istilah baru yang dinyatakan oleh pihak UniSZA pakaian yang mesra syariah yang *insya-Allah* sekurang-kurangnya lima sukan yang telah pun kita minta kepada pihak jawatankuasa ini untuk datangkan kepada kita dan antara pakaian yang paling awal yang *insya-Allah* akan dikemukakan kepada pihak

Kerajaan Negeri adalah pakaian dalam sukan berbasikal memandangkan sukan berbasikal ini adalah merupakan sukan yang paling utama dalam Negeri Terengganu kita ini dan *insya-Allah* sebaik sahaja kita telah pun mendapat contoh pakaian yang seumpama ini dan apabila ia betul-betul sesuai dan sebagainya kita akan pergi kepada sukan-sukan yang lain dan apabila kita telah betul-betul bersiap sedia dengan segala orang kata kelengkapan dan juga bersiap sedia dengan pakaian-pakaian yang boleh digunakan oleh para atlet pada waktu itu, saya tidak menolak kemungkinan untuk kita menguatkuasakan secara sepenuhnya pematuhan pakaian syariah kepada semua atlet. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. *Alhamdulillah* kita telah selesai untuk sesi Soalan-Soalan Lisan. Saya fikir saya telah memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan daripada kelmarin sehinggalah pada hari ini. Saya ingat semua telah kita beri peluang. Masa pun kita tambah daripada biasa pukul 10.30 kepada pukul 11.00 pada hari ini. Mana-mana soalan yang ada untuk pusingan kedua ada lagi yang bertanya yang tidak sempat dijawab akan dijawab secara bertulis.

TANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN: Perkara berikut ialah Tangguhan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada satu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI-PERTUA: Ahli Yang Berhormat sekalian sebelum kita tangguh persidangan kita ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh semua Ahli Yang Berhormat sepanjang dua hari persidangan kita ini berjalan. Begitu juga kepada semua ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pihak media yang telah memberikan liputan dalam persidangan kita ini. Jadi sekarang saya tangguhkan persidangan ini kepada satu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Sebagai mengakhirinya kita baca tasbih kaffarah dan Suratul Al-'Asr.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DEWAN DITANGGUHKAN PADA JAM 11.00 PAGI.